Melalui buku ini kita dapat membuat penilaian dan kesimpulan terhadap usaha yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dalam memulihkan hubungan antara kaum yang retak akibat daripada peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Beliau juga dilihat berusaha untuk memajukan ekonomi dan mempertingkatkan taraf hidup kaum Melayu dan kaum Bumiputera yang lain di negara ini.

Buku ini sesuai dimiliki dan dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia untuk menambah pengetahuan agar belajar dari sejarah supaya sesuatu kejadian yang tidak diingini tidak berlaku kembali. Belajarlah dari sejarah Malaysia kerana di dalamnya terdapat banyak iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk kekal aman, makmur dan harmonis.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370440>

Suara Hashim Yaacob : Aku Mahu Ke Seberang / Zahari Affandi (Ed) Ahmad Zamani Ishak

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
viii, 236p.

9789674605759

1. Hashim Yaacob, Dato', Prof. Emeritus, Dr. – Biography
2. College teachers – Biography

\$ 17.50 / PB

374gm.

Seorang anak desa yang dibelit kemiskinan keluarga. Budu dengan ikan tawar bakar menjadi juadah harian. Kadang-kadang belalang kunyit di baruh menjadi lauk untuk dinikmati sekeluarga. Ayahnya, seorang lelaki Melayu kampung tetapi punya rasa cinta akan watan yang menggunung tinggi dan tidak mahu anak lelakinya ini mewarisi kemiskinan keluarga. Lalu, pelajaran dan pendidikan menjadi keutamaannya dalam membesarkan anak-anak.

Memoir ini berkisah tentang orang Melayu di kampung, yang tersisih oleh dasar Pecah dan Perintah penjarah rakus yang tidak peduli akan nasib anak peribumi. Lalu, hanya dengan ilmu anak-anak peribumi ini dapat membela bangsa sendiri. Memoir ini boleh dijadikan inspirasi anak bangsa dalam menongkah arus kehidupan. Onak duri di sepanjang jalan bukanlah penghalang untuk mara sehingga ke hujung. Kecekalan, ketabahan, kesabaran, dan reda dengan apa-apa yang diberikan Maha Berkusa menjadi kunci menggapai kejayaan. Ini kisah tentang seorang professor, seorang paka pergigian bertaraf dunia, seorang pentadbir, seorang tok dalang, seorang penulis, dan seorang pelukis. Ini memoir tentang Dato' Professor Emiritus Dr. Hashim Yaacob, intan berkilau yang berasal dari tanah kampung yang berlumpur.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370441>

Rosli Dhoby dan Rukun 13 / Nordi Achie

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2018

xiv, 224p.

Includes Index ; Bibliography

9789831009536

1. Rosli Dhoby, – 1932-1950
2. Nationalist – Sarawak – Biography
3. Sibu (Sarawak) – History
4. Sarawak – Politics and government

\$ 30.00 / PB

364gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370442>

Arshad Ayub : Menanam Pokok Tempat Berteduh / (Eds) Hashim Yaacob, Abu Bakar Hamid & Azizah Hamzah

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia (UMPress), 2018

x, 184p.

Includes Index

9789831009284

1. Arshad Ayub, Tan Sri, 1928-
2. Festschriften
3. Civil Service – Malaysia – Biography
4. Educator – Biography
5. Malaysia Official and employees

\$ 24.00 / PB

392gm.

Penglibatan Arshad Ayub dalam pengurusan Pendidikan bermula pada tahun 1965 apabila beliau dilantik sebagai Pengetua Kolej Perniagaan dan Pengajian Profesional Majlis Amanah Rakyat (MARA). Dua tahun kemudian, Kolej MARA dinaikkan taraf kepada Institut Teknologi MARA (ITM) dan beliau sekali lagi diminta menerajuinya sebagai Pengarah. Arshad telah berkhidmat dengan penuh dedikasi di ITM sehingga tahun 1975. Di ITM, Arshad memperkenalkan kursus-kursus profesional seperti Pengurusan Perniagaan, Sebaran Am dan Pengurusan Hartanah. Selain itu, beliau turut memperkenalkan program berkembar dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pembelajaran dan pengajaran. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di ITM sehingga ke hari ini. Kecemerlangan Arshad terbukti apabila bilangan pelajar di ITM bertambah daripada 200 pelajar kepada 700 pelajar pada tahun 1975. Kini, ITM telah dinaikkan taraf sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan jumlah pelajarnya mencapai 160 000 orang dan dianggap sebagai universiti terbesar di dunia.

Meskipun telah bersara selepas berkhidmat sebagai pegawai tinggi kerajaan di pelbagai kementerian, Arshad Ayub masih lagi menyumbangkan khidmat dan bakti dalam pelbagai agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi seperti memegang jawatan sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah di Universiti Malaya. Sebagai mengenang jasa dan sumbangannya terhadap pembangunan pendidikan, sosial dan ekonomi orang Melayu, beliau telah dianugerahkan pelbagai pingat kebesaran, termasuklah anugerah gelaran Tan Sri Dato' Sri Utama Arshad Ayub.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370443>

Anak Desa Ke Persada Antarabangsa : Lakaran Kehidupan Seorang Usahawan Syariah Global / Dr Mohd Daud Bakar (Dari Penulis Buku Minda Syariah Kewangan Islam) (Ed) Ashadi Zain
Kuala Lumpur: Amanie Media Sdn Bhd., 2018
xvi, 240p.
9789671481844
\$ 20.00 / PB

Every phase in life has its own exhilarating inspirational stories. Explore the journey of a village boy with religious credentials achieving exponential success in the eyes of the world.

Setiap fasa dalam kehidupan mempunyai cerita inspirasi tersendiri. Terokai perjalanan anak lelaki kampung dengan kepercayaan agama yang mencapai kejayaan eksponen di mata dunia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370444>

Tok Kenali : Ulama Peringkat Wali / Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah
Manaqib Ulama
Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniya, 2018
1v.
Includes Bibliography
Malay & Arabic Text
9789672126034
\$ 10.50 / PB
138gm.
<http://www.marymartin.com/web?pid=370445>

Saiyid Husein Al-Qadry : Penyebar Islam di Kalimantan Barat / Hj Wan Mohd Saghir Abdullah
Manaqib Ulama
Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniya, 2018
iii, 116p.
\$ 10.00 / PB
176gm.
<http://www.marymartin.com/web?pid=370446>

Syeikh Ismail Al-Minangkabawi : Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Kalidiyah /

Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah

Manaqib Ulama

Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniya, 2018

xii, 96p.

Includes Bibliography

Malay & Arabic Text

- Ismail bin Abdullah Al Minangkabawi, -- Syeikh.
- Islam -- Indonesia -- Sumatera Barat -- Biography.
- Islam.
- Indonesia -- Sumatera Barat.

\$ 9.00 / PB

152gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370447>

Syeikh Abdus Shamsudin Palembang : Ulama Sufi dan Jihad Dunai Melayu / Hj Wan

Mohd Shaghir Abdullah

Manaqib Ulama

Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniya, 2018

xii, 224p.

Includes Bibliography

\$ 12.00 / PB

296gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370448>

Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari : Pengarang Sabil Al-Muhtadin / Hj Wan

Mohd Shaghir Abdullah

Manaqib Ulama

Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniya, 2018

x, 138p.

Includes Bibliography

Malay & Arabic Text

\$ 12.50 / PB

188gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370449>

Pemikiran dan Perjuangan Hamka / (Ed) Md. Sidin Ahmad Ishak
Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 2018
xx, 114p.
9789679400816
\$ 15.00 / PB
218gm.

“Hamka memang seorang tokoh istimewa yang bersifat multidimensi: sasterawan-negarawan, ilmuwan-budayawan dan ulama-pemikir yang terkenal sebagai singa podium dan pahlawan pena.” (Siddiq Fadhil)
“Jarang ditemui tokoh yang produktif dalam menyampaikan pendapat dengan lisan dan tulisan secara seimbang seperti Buya Hamka. Biasa seseorang penulis kurang mampu menyampaikan fikiran dan seruannya secara lisan dan sebaliknya banyak pula orator dan mualigh terkemuka tetapi tidak meninggalkan tulisan.” (Bustanuddin Agus)
“Sepanjang umurnya ia telah menulis sebanyak 118 buah buku, suatu prestasi luar biasa yang jarang dicapai bahkan oleh seorang profesor di perguruan tinggi sekalipun. Itu belum termasuk tulisan-tulisannya yang tersebar di berbagai majalah dan akhbar termasuk dalam majalah Panji Masyarakat yang dipimpinnya sendiri sampai menjelang akhir hayatnya.” (Mestika Zed)
Buku ini sarat dengan analisis tentang peribadi, pemikiran dan perjuangan Hamka, seorang tokoh yang monumental di nusantara ini. Analisis-analisis ini terhimpun dari penulisan 5 orang tokoh dan sarjana yang rapat dan memahami tentang sosok bernama Hamka dan karya-karyanya. Buku ini boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi generasi kini agar dapat mengambil inspirasi yang ditinggalkan oleh Hamka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370450>

Masjid, Kuil dan Gereja : Warisan / Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xvi, 82p.
Includes Index ; Bibliography
9789834900168

1. Mosques
2. Temples
3. Church architecture
4. Religious architecture.

\$ 22.00 / PB

396gm.

Buku ini merupakan dokumentasi yang merakamkan sejarah dan asal usul, reka bentuk dan unsur seni bina beberapa buah masjid, kuil dan gereja yang dianggap sebagai bangunan warisan di negara ini. Warisan seni bina keagamaan yang dipaparkan dalam buku ini memperlihatkan pengaruh seni bina daripada pelbagai budaya dan kepercayaan masyarakat di Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370451>

Rumah Komuniti : Rakyat Terbela / Noraien Mansor

Kuala Nerus, Terengganu: Penerbit UMT, 2017

116p.

Includes Index

9789670962856

1. Community development - Terengganu (Malaysia) - Besut
2. Rural development - Terengganu (Malaysia) - Besut
3. Housing, Rural - Terengganu (Malaysia) - Besut

\$ 29.00 / HB

944gm.

Rumah Komuniti adalah projek rumah percuma yang dilaksanakan untuk golongan asnaf di Parlimen Besut, Terengganu. Keluasan binaan ialah 600 kaki persegi dengan 3 bilik tidur, ruang tamu, ruang , ruang dapur dan 1 bilik air. Kos pembinaan rumah ini tidak lebih daripada RM20,000 yang dibina dalam jangkamasa tidak lebih daripada sebulan. Kerja-kerja pembinaan melibatkan para pensyarah, pelajar, kontraktor dan komuniti setempat. Pada dasarnya Projek Rumah Komuniti ini menggunakan kaedah Sistem Pembangunan Industri. 24 RUMAH KOMUNITI Rakyat Terbela (IBS) yang dapat menjamin pembinaan rumah yang kukuh dan memenuhi aspek pembinaan kediaman.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370452>

Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan / (Compiled & Ed) Ar Azim A. Aziz
Kuala Lumpur: ATSA Architects Sdn Bhd, 2016
136p.
9789833631063
\$ 75.00 / PB
598gm.

With a capacity for up to 8,300 people, the Masjid Raja Haji Fi Sabilillah in Cyberjaya is designed to be more than a place of worship and as a local centre for Islamic activities. It is situated on a 100-acre site which will eventually be part of the new Universiti Islam Malaysia (UIM) Campus and forms an integral part of the overall development complex. W&W Architect is responsible for the design of the master plan of the university campus which includes the mosque location, and its layout concept is based on a Pending, or the royal belt buckle. The design of the mosque is contemporary modern and incorporates traditional Islamic design elements. The goal of the design is to portray Islam as a progressive religion, as well as to reflect the simplicity and purity of modern Malaysian mosque architecture. The mosque was designed in line with the vision of Cyberjaya being a green city of the future. The main emphasis of the design is towards a more modern approach rather than the conventional postmodern typology, emphasising the building's sustainability elements, but retaining the spiritual design essence of Islam. It is the first mosque in the country to be built using green technology. The mosque complex also includes six units of staff quarters and a multi-purpose hall that can be used for banquets, weddings and indoor sports. It can accommodate 800 people at any one time.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370453>

Chimney : Mercu Tanda Sejarah Peradaban Maritim Pulau Labuan / Ismail Ali & Nur Suriana Shaifoddin

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2018

xiv, 114p.

Includes Index ; Bibliography

9789672166030

1. Chimneys – Malaysia – Labuan (Wilayah Persekutuan)
2. Monuments – Malaysia – Labuan (Wilayah Persekutuan)
3. Historic building – Malaysia – Labuan (Wilayah Persekutuan)
4. Wilayah Persekutuan (Labuan, Malaysia) – History

\$ 55.00 / PB

230gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370454>

Reka Bentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi / Siti Zainon Ismail

Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2018

xxiv, 344p.

Includes Index ; Bibliography pg.329

9789834903121

1. Handicraft - Malaysia

\$ 35.00 / PB

914gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370455>

Keris Melayu Semenanjung : Rupa bentuk keris mengikut negeri / Abdul Mua'ti

@ Zamri Ahmad

Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPMPress), 2017

xxii, 158p.

Includes Index

97896 73447466

1. Daggers, Malay - Malaysia

2. Weapons - Malaysia

3. Curves

\$ 40.00 / PB

504gm.

This book is written in Malay. It is an interesting exposition on the Malay Keris from the different states of Peninsular Malaysia. Buku ini memaparkan perbincangan mengenai keris yang dihasilkan dan diguna pakai di negeri atau wilayah yang dihuni oleh orang Melayu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit sebanyak perbezaan pada keris Melayu Semenanjung berdasarkan wilayah atau negeri keris tersebut dihasilkan. Hakikatnya perbezaan lebih ketara pada pakaian keris, iaitu hulu dan sarung. Meskipun terdapat sedikit perbezaan pada bilah, namun oleh kerana bilah keris adalah rahsia pemilik dan terlalu peribadi sifatnya serta duduknya pula di dalam sarung keris, maka kupasan dalam buku ini lebih bertumpu kepada perbezaan pakaian keris mengikut negeri. Perlu diingat bahawa tidak menjadi tegahan untuk penduduk sesuatu negeri memiliki atau menggunakan pakai keris daripada negeri lain. Namun demikian, untuk tujuan melihat dan memahami variasi keris Melayu Semenanjung maka perbincangan dibuat memfokuskan perbezaan reka bentuk keris berdasarkan negeri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370456>

Makam-Makam Islam Lama Di Maritim Asia Tenggara : Tulisan Pilihan Terbitan Ecole francaise d'Extreme-Orient dan Association Archipel Ditambah Tiga
Artikel Asli / (Translated) Daniel Perret (et al.)
Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2017
408p.

Includes Index

9789670372259 ; 9782855392660

1. Tombs – Southeast Asia
2. Mausoleums – Southeast Asia
3. Islamics cemeteries – Southeast Asia
4. Historic sites – Southeast Asia

\$ 20.00 / PB

858gm.

This book is written in Malay. It is on the Cemetery in Maritime Southeast Asia. It was translated from the Bulletin de l'Ecole francaise d'Extreme-Orient and two chapters from Etudes thematiques.

Makam-Makam Islam lama di Maritim Asia Tenggara merupakan hasil tulisan pilihan terbitan EFEQO dan Association Achipel. Tujuan utama buku ini diterbitkan untuk memperkenalkan hasil penyelidikan tentang makam-makam Islam zaman silam yang telah dijalankan selama 20 tahun terakhir kebelakangan ini. Penemuan makam- makam Islam lama merupakan bukti tinggalan arkeologi yang boleh dikaitkan dengan sejarah islamisasi pesisir maritim di Asia Tenggara. Hasil kajian yang dijalankan memperkenalkan sejenis batu nisan dari Melaka yang belum pernah diperhatikan sebelum ini. Buku ini juga merupakan usaha julung kalinya memuatkan pelbagai tradisi makam Islam di Maritim Asia Tenggara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370457>

Strategi Pengurusan Rumah Burung Walet : Pengalaman Usahawan Berjaya / Wan Khairy Wan Ibrahim & Mohd Rafi Yaakob

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2018

xiv, 128p.

Includes Index

9789670955889

\$ 15.00 / PB

232gm.

Memaparkan strategi pengurusan rumah burung Walet berdasarkan pegalaman usahawan berjaya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370458>

Ensiklopedia Perbidanan Melayu : Sebuah Perbendaharaan Ilmu Perubatan dan Penjagaan Kesihatan / Anisa Barakbah

Cyberjaya, Selangor: Universiti Islam Malaysia, 2017

Edisi Bahru = New Edition

xxi, 355p.

Includes Index

9789671330593

1. Pregnancy – Encyclopedias
2. Childbirth – Encyclopedias
3. Delivery (Obstetrics) – Encyclopedias
4. Malay – Medicine – Encyclopedias

\$ 90.00 / HB

1550gm.

Masyarakat Melayu mengamalkan praktis perbidanan yang sistematik, diwarisi turun-temurun, ratusan malah ribuan tahun lalu. Buku ini ialah rujukan komprehensif yang memaparkan kaedah perawatan dan penjagaan ibu sejak awal kehamilan sehingga tamat pantang bersalin. Turut dibincangkan ialah kaedah perawatan dan penjagaan bayi yang baru dilahirkan, serta aspek ketidaksuburan dan keguguran.

Telusuri sejarah, adat dan pantang larang, petua, masalah dan penyakit, langkah pencegahan, atur cara rawatan, doa dan wirid, serta resipi ubatan dan makanan, yang dilengkapi ratusan gambar foto dan ilustrasi berwarna-warni.

Singkapi falsafah kesihatan wanita Melayu dan formula pulang pulih sediakala, hikmat keanggunan para ibu mengatasi perawan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370459>

Sejarah Kesultanan Melayu Kelantan / Ahmad Rasdan Ismail, Baharin Ilias & Abdul Latiff Abu Bakar

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2017

xii, 176p.

Includes Index

9789675782923

1. Monarchy – Kelantan – History
2. Kelantan – Kings and rulers – History
3. Kelantan – History

\$ 70.00 / HB

790gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370460>

Pelestarian Silat Melayu / (Eds) Nazarudin Zainun & Mohamad Omar Bidin

Pulau Pinang: Penerbit USM-Universiti Sains Malaysia, 2017

xx, 148p.

9789674611675

1. Ethnoscience – Malaysia
2. Traditional ecological knowledge
3. Martial arts – Malaysia
4. Self-defense
5. Silat Cekak Malaysia
6. Silat Titi Batang

\$ 14.50 / PB

294gm.

Di Nusantara, seni silat merupakan satu amalan biasa yang telah diamalkan sejak berabad lamanya. Namun paling ketara, amalan ini mula menonjol selepas merdeka (1957) sebagai satu saranan baharu kerajaan Malaysia untuk mewujudkan satu persatuan atau organisasi silat yang bernaung di bawah satu bumbung. Saranan tersebut disambut baik dengan kewujudan pelbagai nama, aliran perguruan dan sebagainya. Perkembangan ini turut dizahirkan melalui wujudnya pelbagai pendapat dalam pelbagai perspektif ilmu termasuklah sains sosial. Buku ini merangkumkan perkara-perkara yang berkaitan dengan seni silat dalam konteks perundangan Malaysia, perkembangan seni silat, pandangan Islam terhadap seni silat, amalan, teori dan konsep sosiologi, pergerakan dalam silat dan sebagainya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370461>

Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 : “Menjunjung Warisan Pusaka, Menjulang Peradaban Bangsa”, 10 hingga 12 Oktober 2017, Auditorium Aras 2, Perpustakaan Negara Malaysia / (Ed) YBrs Dr. Harun Mat Piah (et al.)

Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2017

vii, 520p.

1. Manuscripts, Malay – Malaysia – Congresses
2. Manuscripts, Malay – History and criticism – Congresses

\$ 32.50 / PB

1010gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370462>

Gejala Sosial dan Pencegahan Dalam Kalangan Remaja di Malaysia / (Ed) Balan Rathakrishan, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Rezki Perdani Sawai
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2017
xviii, 514p.

Includes Index

9789672166023

1. Teenagers – Malaysia
2. Social case work with teenagers – Malaysia
3. Social problems

\$ 40.00 / PB

460gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370463>

Pengurusan Taska dan Tadika Cemerlang / Saayah Abu
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPMPress), 2017
xii, 196p.

Includes Index

9789673447343

1. Kindergartens – Malaysia
2. Education, Preschool – Malaysia
3. Government publications – Malaysia

\$ 29.00 / PB

350gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370464>

Kebangkitan Semula Islam Hinga Pasca Islamisme / Ahmad Sunawari Long

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

246p.

9789674125127

1. 1. Religious awakening – Islamic renewal – Malaysia

2. 2. Islam – History

\$ 20.00 / PB

356gm.

Kebangkitan semula Islam adalah fenomena yang meletus di negara-negara Islam seperti Iran, Arab Saudi, Malaysia, Indonesia dan sebagainya pada tahun 1970an. Fenomena ini disebabkan oleh kekalahan Perang Arab-Israel pada tahun 1967, Revolusi Iran dan kenaikan harga minyak dunia. Ia juga disebabkan oleh faktor dalaman yang berlaku dalam negara Islam, antaranya Dasar Islamisasi seperti yang dilaksanakan di Pakistan dan Malaysia. Gabungan pelbagai faktor telah memberikan pelbagai impak kepada umat Islam sama ada dalam aspek penghayatan atau amalan mereka. Kebangkitan semula bukan sahaja memberika impak positif kepada umat Islam tetapi juga meninggalkan impak negatif seperti pemokusan yang lebih kepada politik Islam sehingga mengabaikan aspek-aspek kemanusiaan, sosial dan hubungan antara pengikut agama. Penumpuan yang berlebihan untuk membina negara Islam berlandaskan syariat Islam secara total telah menyebabkan mereka mengabaikan wacana tentang demokrasi dan isu-isu sosial dan alam sekitar. Sebagai respons muncul kelompok masyarakat dan ilmuwan yang ingin membawa umat Islam kepada isu-isu demikian yang diistilahkan sebagai pasca Islamisme. Namun wacana pasca Islamisme yang berkembang pada tahun 1990an tidaklah sangat berbeza dengan wacana kebangkitan semula Islam atau dikenali sebagai Islamisme. Kedua-duanya mewacanakan Islam dalam bentuk kontemporari tetapi pasca Islamisme lebih kepada kritikan dan solusi terhadap kelompongan pada era kebangkitan semula Islam atau juga dikenali sebagai Islamisme.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370465>

Amalan Khurafat : Di Pulau Besar, Melaka Menurut Syarak dan Undang-Undang /
Azman AB Rahman (et al.)

Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2017

xiv, 104p.

Includes Index ; Bibliography pg97.

9789674403904

1. Islamic heresies – Malaysia – Pulau Besar (Melaka)
2. Sin – Islam
3. Islam – Melaka – History
4. Pulau Besar (Melaka, Malaysia) – History

\$ 18.00 / PB

242gm.

Buku ini merupakan hasil sebuah kajian penulis terhadap amalan khurafat masyarakat Islam di Melaka. Buku ini dihasilkan untuk membongkar amalan khurafat yang dilakukan oleh masyarakat Islam di sana. Kedudukan amalan khurafat di Pulau Besar turut dibincangkan berdasarkan pandangan Islam dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Buku ini juga menyentuh kedudukan hukum amalan khurafat di Pulau Besar bagi memelihara akidah masyarakat Islam setempat dan pengunjung Pulau Besar, sekali gus menjadikan Pulau Besar sebagai lokasi pelancongan yang patuh syariat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370466>

Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia : Metode dan Pengalaman / Abdul

Ghafar Haji Don & Zulkiple Abd. Ghani

Siri Islam dan Pembangunan Malaysia

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

212p.

Includes Index

9789674120573

1. Da'wah (Islam) – Malaysia

2. Islam – Missions – Malaysia

\$ 18.00 / PB

312gm.

Usaha dakwah kepada komuniti non-Muslim di Malaysia yang majmuk yang sifatnya memerlukan pendekatan yang bijaksana. Asas pendekatan bijaksana ini telah digariskan dengan jelas sebagai panduan pendakwah oleh al-Qur'an, Sunnah Nabi mahupun tulisan ulama' Islam cendekiawan Muslim dalam bidang dakwah. Buku ini mengandungi konsep, pendekatan serta cabaran dakwah terhadap golongan ini. Sebahagian besar tulisan tentang pendekatan dan cabaran dakwah dalam buku ini digerap berdasarkan pengalaman amali terhadap Non-Muslim di pelbagai lokasi di semenanjung Malaysia serta hasil penyelidikan oleh para penulis. Penghasilan buku ini diharap boleh menjadi panduan dalam pelaksanaan dakwah non-Muslim di Malaysia oleh pihak-pihak yang berkaitan di samping memperkayakan lagi khazanah korpus ilmiah pengajian dakwah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370467>

Pembentangan Pembangunan Negara Menerusi Wakaf / Farhana Mohamad

Suhaimi & Asmak Ab Rahman

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018

xvi, 118p.

Includes Index ; Bibliography

9789674880132

1. Waqf – Malaysia

2. Charitable uses, trusts, and foundations (Islamic law)

3. Waqf – Management

4. Economic – Religious aspects – Islam

5. Economic development – Malaysia

\$ 20.00 / PB

214gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370468>

Sejarah Tarekat : Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam / Mohd Faizal Harun & Muhamad Hazwan Abd Razak

Sintok, Kedah: UUM Press, 2018

xxxiv, 412p.

Includes Index

9789672064787

1. Islam – Doctrines
2. Religious life – Islam
3. Government publications – Malaysia

\$ 34.00 / PB

658gm.

Buku ini merupakan sebuah karya yang membicarakan sejarah tarekat dunia Islam. Lantaran itu, karya ini sesuai dibaca oleh khalayak umum yang ingin mengetahui persoalan tarekat dan lingkungan yang melingkarinya. Perbahasan yang dituangkan dalam karya ini meliputi topik penting seperti makna tarekat, tokohnya serta sejarah tarekat di dunia Islam. Ilmu tarekat tidak sebagaimana ilmu Islam lain agak kritikal dalam perbahasan ilmiah terutama kepada mereka yang tidak bersetuju dengan ajarannya. Karya ini diharap dapat sedikit sebanyak menjelaskan kedudukan dan sejarah tarekat itu sendiri agar menjadi penilaian yang bermakna buat mereka yang ingin mengetahui dan memahaminya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370469>

Isu Kemasyarakatan Menurut Perspektif Syariah / (Ed) Md Yazid Ahmad,
Muhammad Adib Samsudin & Mohammad Zaini Yahya

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

158p.

Includes Index

9789674125165

1. Community development – Religious aspects – Islam
2. Islam – Social aspects

\$ 20.00 / PB

246gm.

Buku Isu-isu kemasyarakatan Menurut Perspektif Syariah ini memuatkan sebanyak 10 bab berhubung kepelbagaiannya dimensi penerokaan isu kemasyarakatan semasa. Kesemua bab dalam buku ini adalah berteraskan kepada aspek penyelidikan menerusi pemerolehan geran-geran penyelidikan oleh warga akademik Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam di UKM. Bab-bab dalam buku ini mengupas isu-isu kemasyarakatan semasa yang digarap dalam 10 tajuk bab. Tajuk-tajuk bab tersebut ialah Kekeliruan Pemahaman Ungkapan Imam Syafie Menurut Perspektif Syarak, Tanggungjawab dan sokongan Pemerintah, Ibubapa dan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Syarak, Pewarisan Harta Pusaka Saudara Baru di Malaysia, Krisis Keganasan di Syria: Penyelesaian Oleh PBB, Konsep Kebebasan Kehakiman (Istiqlal Al-Qada') Menurut Syariat Islam, Pra Siasatan Waris Sebagai Pendekatan Signifikan Pra Bicara Pusaka Dalam Islam, Soratan Literatur Terhadap Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Suspek Kanak-kanak, Kebebasan Bersuara dan Jaminannya Terhadap Agama Islam Menurut Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Penerbitan ini merupakan wahana bagi memertatkan hasil-hasil kejadian penyelidikan yang berpaksikan Syariah di persada antarabangsa sekaligus berperanan sebagai pemankin untuk menyemarakkan dan memeriahkan penyelidikan Islam bagi mendepani isu-isu kemasyarakatan semasa umat Islam dan manusia sejagat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370470>

Prinsip dan Kaedah Universal Dalam Shari'ah : Sebuah Perbahasan Dalam Ilmu Maqasid Al-Shari'ah / Prof. Dr. Ahmad Al-Raisuni (Translated) Marwan Bukhari A. Hamid
Kuala Lumpur: Maqasid Resources, 2018
224p.
Includes Bibliography
9789671558911
\$ 20.00 / PB
362gm.

Buku ini memberi fokus terhadap perbincangan berkaitan prinsip dan kaedah universal dalam Shari'ah. Prinsip dan kaedah universal merupakan antara aspek terpenting dalam memahami Shari'ah serta merupakan antara topik penting dalam ilmu Maqasid al-Shari'ah. Hal tersebut kerana kefahaman terhadap Shari'ah akan bermasalah sekiranya tidak dirujuk kepada prinsip dan kaedah utamanya yang bersifat universal merentas masa dan tempat. Prinsip dan kaedah yang terkandung dalam buku ini membentuk kaedah berfikir yang lebih bersistem, holistik, terbuka, multidimensi dan berstruktur. Pendekatan penulis yang menulis dan menyusun perbincangan dengan baik menjadikan buku ini lebih mudah difahami oleh para pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370471>

Retrospektif Al-Risalah : Falsafah Tarbiah Islam di Sisi Ib Abi Zayd Al-Qayrawani / Mohammad Syafiq Ismail (Ed) Mohd Khairul Anwar Ismail
Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
xvi, 108p.

Includes Index ; Bibliography

9789672158059

\$ 12.50 / PB

198gm.

Pendidikan, dinihari, menyaksikan perubahan dan anjakan demi anjakan paradigma, yang perlukan kepada untuk kita mengundur setapak ke belakang melihat semula pendidikan yang dilakukan, menilai sejauh mana tapak kita bisa kukuh berurat nadi dalam lipatan sejarah memanusiakan manusia. Pendidikan adalah pendidikan untuk membebaskan, merujuk Paulo Friere, dengan mendidik suara-suara agar berani kritis kepada sebarang kepincangan. Maka, pendidik sebenarnya, bertugas untuk masa depan. Dia tiada masa untuk dirinya, mengorbankan diri demi secebis harapan agar masa depan lebih cerah, buat anak-anak didiknya, lebih cerah daripada yang sedang dihidupinya; dialah manifestasi rahmat Allah kepada alam.

Risalah ini merupakan usaha mencerap makna Falsafah Tarbiah Islamiah secara am, dan seterusnya membahas makna Tarbiah Islamiah daripada karya Risālah Imām Abū Muhammad, ‘Abdullāh Ibn Abi Zayd al-Qayrawānī al-Mālikī rāḥimahullāh (lahir tahun 310H di Kairouan – lantaran itu dinisbahkan al-Qayrawānī), salah seorang daripada silsilah mata rantai perjuangan hak, yang menjulang kemanusiaan manusia agar tidak tunduk kepada selainNya, yang beribadat dengan memakmurkan dunia. Beliau meninggal dunia pada tahun 386H, ketika berusia 76 tahun.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370472>

Melangkah Ke Hadapan : Landskap Muslim Demokrat Malaysia / Mujahid Yusof Rawa (Ed) Muhammad Din
Nilai, Negeri Sembilan: Ilham Books, 2018
xvi, 176p.
9789672007234
\$ 18.00 / PB
216gm.

Walaupun politikal Islam dilihat sebagai satu kuasa yang cuba bersaing secara demokrasi dengan parti-parti liberal-sekular di kalangan Muslim yang lainnya, kelompok Islam sering ditanggap sebagai kelompok yang tidak boleh dipercayai kerana kelompok liberal-sekular mendakwa politikal Islam hanya menggunakan demokrasi dan apabila menang akan menegakkan Negara Islam dengan melaksanakan hukum syariat. Golongan liberal-sekular amat menentang perjuangan ‘menegakkan syariat’ kerana menganggap bercanggah dengan hasrat negara yang demokratik.

Pertembungan ini menyebabkan golongan kelompok politikal Islam senantiasa dipandang serong sehingga usaha mendaftarkan parti politik bernuansakan Islam menjadi satu kesukaran walaupun mereka komited dengan proses demokrasi untuk membawa Islam melalui perjuangan politik. Suasana ini menyebabkan ahli politik Islam terpaksa menyegarkan identitinya kepada meyakinkan semua pihak bahawa mereka benar-benar mahukan sebuah negara yang demokratik dan menentang sebarang bentuk kaedah yang bercanggah dengan proses politik. Salah satu usaha ke arah tersebut ialah melalui identiti Muslim Demokrat yang merujuk kepada seorang ahli politik Islam yang memilih untuk berada dalam acuan demokrasi bagi memperjuangkan idealisme perjuangan berpandukan kepada keadilan dan kesaksamaan di samping memahami dengan jelas fiqh waqie’ atau fiqh lokal.

Dalam konteks Malaysia, fiqh lokal adalah Fiqh Siyasi Manhaj Malayzi atau Fiqh Politik Malaysia amat diperlukan kerana sifat fiqh adalah sesuatu yang cuba mendapat panduan agama dalam pengertiannya secara operasional dan untuk mendapat panduan, hukum-hakam berkenannya mestilah berpijak di bumi nyata dan acuan yang diterima ramai sebagai sistem pemerintahan yang dipakai.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370473>

Maqasid Al-Shari'ah : Antara Nas dan Maslahah Suatu Pendekatan Sistem /

Ahmad Badri Abdullah (Ed) Ummu Arisyah

Nilai, Negeri Sembilan: Ilham Books, 2018

xxviii, 280p.

Includes Index ; Bibliography

9789672007203

1. Maqasid (Islamic law)

2. Islamic law

\$ 25.00 / PB

364gm.

Karya ini cuba membuka dimensi baharu dalam perbahasan hukum Islam melalui pengintegrasian dengan bidang pemikiran sistem. Saya mendapati pendekatan ini amat menarik untuk diamati kerana memperlihatkan sifat wacana hukum Islam yang dinamik serta kemampuannya untuk berintegrasi dengan disiplin ilmu lain meskipun daripada tradisi yang berbeza. Ini turut membuktikan bahawa, Islam secara asasnya mampu berinteraksi secara positif dan harmonis dengan tradisi keilmuan Barat yang bukan sahaja dalam bentuk pertentangan dan konflik semata-mata.

~ Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IAIS Malaysia

Saya telah meneliti karya yang ditulis oleh saudara kami, Dr. Ahmad Badri Abdullah, dan mendapati beliau telah memberikan sumbangan yang bermanfaat dalam rangka pengaplikasian disiplin maqasid al-shari'ah, sebagai sebuah kajian lanjutan berkaitan bidang ilmu maqasid dan pemikiran sistem serta pendekatannya yang bersifat komprehensif dalam menangani sebarang isu.

Permasalahan mendesak pada pola pemikiran Muslim dalam era moden ialah pemikiran berbentuk terpisah-pisah, reduksionis serta sempit. Bentuk pemikiran tersebut melihat realiti hanya menerusi limitasi sudut pandang yang sempit, dan hanya menilai sebarang peristiwa melalui perbandingan luaran yang cetek.

~ Prof. Dr Jasser Auda, Presiden dan Pengasas Maqasid Institute Global
Saya membaca dengan penuh minat buku ini yang menghidangkan perbahasan dan kupasan secara kritikal dan segar mengenai hubungan antara nas dan maslahah menerusi neraca maqasid al-shari'ah. Wacana yang diketengahkan dalam buku ini membawa pembaca ke satu daerah perbahasan yang begitu menerangkan mentafsirkan hubungan antara nas dan maslahah dalam tradisi hukum Islam klasik dan pendekatan modenis dan post-modenis dalam konteks semasa. Ia menghuraikan pelbagai permasalahan yang sering kali menjadi polemik di kalangan sarjana maqasid al-shari'ah dan fuqaha tradisi dan kontemporari. Pendekatan penulis mengolah perbahasan yang penting ini dalam bahasa yang mudah dengan gaya penulisan tersendiri menjadikan karya ini mempunyai keunikan dan kelebihannya yang tersendiri.

~ Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM

<http://www.marymartin.com/web?pid=370474>

Khayalan Atau Realiti? : Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia /
Mohamed Azam Mohamed Adil

Nilai, Negeri Sembilan: Ilham Books, 2018

xxii, 302p.

Includes Index

9789672007180

\$ 25.00 / PB

Buku ini membahaskan isu, masalah, cabaran dan realiti pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Perlaksanaan undang-undang Islam yang menyeluruh tetapi mengikut kerangka Perlembagaan bukanlah satu khayalan. Ia memerlukan perancangan rapi dengan merujuk kepada kehendak Maqasid Al-Shari'ah, fiqh keutamaan serta tuntutan Siyasah Syari'yyah, jauh sekali laungan retorik.

Undang-undang Islam yang pernah menjadi undang-undang utama negara suatu masa dahulu perlu kepada pembaharuan supaya ia sesuai dengan tuntutan zaman. Transformasi undang-undang Islam serta peningkatan taraf Mahkamah Syariah supaya ia setaraf dengan undang-undang sivil dan Mahkamah Sivil hendaklah menjadi agenda penting bagi melihat undang-undang Islam yang menyeluruh dapat direalisasikan. Sama dengan Mahkamah Sivil, kewujudan Mahkamah Syariah adalah untuk memberi keadilan kepada pihak yang terlibat. Meskipun begitu, konflik dan pertembungan antara kedua-dua undang-undang sivil dan Syarak dapat dielakkan dengan mengharmonisasikan kedua-dua undang-undang tersebut. Realitinya, undang-undang Islam boleh dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia dengan syarat semua orang Islam mesti mendokong usaha ke arah perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Perancangan yang teliti dan rapi dengan mengambilkira kedudukan masyarakat, kerangka Perlembagaan dan hukum Syarak dalam usaha menggubal undang-undang Islam di Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370475>

Mencerahkan Maqasid Yang Di Gelapkan : Islam dan Pemikiran Reformis Masa Hadapan / Muhammad Faisal Abgul Aziz
Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2018
xviii, 218p.
9789672158127
\$ 20.00 / PB
286gm.

Selain mengupas konsep dan menggagaskan pembaharuan naratif seperti muwatinun, yakni muafakat dalam masyarakat plural, yang dahulunya dipopularkan melalui konsep li ta'arafu, pengarang turut mengimbau aliran pemikiran reformis Islam semasa, dan antara yang saya kira menarik dalam konteks masyarakat Malaysia adalah dengan mengaitkan persoalan konsep dengan kontroversi pelaksanaan hukum, konsep Negara Islam dan kalimah "Allah". – Anwar Ibrahim, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat
Perkembangan islah dan tajdid tidak dapat dipisahkan dari proses pembaharuan pemikiran serta intelektual yang futuristik melangkaui zamannya. Maka, tidak dapat tidak, pasti akan ada golongan anak muda yang mewakili semangat zaman untuk menggalas amanah gelaran "agen perubahan masyarakat" lantas menjadikan mereka sebagai peneraju tajdidi-islahi. Buku Islam & Pemikiran Reformis Masa Hadapan: Mencerahkan Maqasid Yang Digelapkan adalah sebahagian daripada manifestasi anak muda yang ingin tampil dan mencorak perubahan dalam masyarakat. – Mohamad Raimi Ab Rahim, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia

<http://www.marymartin.com/web?pid=370476>

Hikayat Nabi Yusuf / Muhammad Labai (1802), (Translator) Arsyad Mokhtar
(Illustrator) Arif Rafhan Othman
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd (Fixi Retro), 2018
185p.
9789672128380
\$ 10.00 / HB
330gm.

Manuskrip asal Hikayat Nabi Allah Yusuf ini ditulis oleh Muhammad Labai/Lebai di Perlis pada 1802. Ia kini disimpan di British Library, London.

Kisah Nabi Yusuf a.s. memang masyhur seperti yang didapati dalam Al-Quran dan kitab-kitab Kristian dan Yahudi. Selain itu, hikayat ini juga kelihatannya cuba menyesuaikan latar kisah dengan suasana tempatan seperti nasi sebagai makanan dan harimau ganti serigala.

Eloklah difahami tentang hikayat itu sendiri dalam tradisi bangsa Melayu umumnya. Hikayat berasal daripada bahasa Arab bermaksud cerita. Kerana itu kita dapat sesebuah hikayat biasanya dimulai dengan kata, "Konon", "Kata sahibul hikayat", "dikonon orang" dan yang sejenisnya. Ini perlu dijelaskan agar tidak ada yang menerima bulat-bulat dan tidak juga menolak mentah-mentah. Kebiasaan hikayat memang bercampur aduk antara kisah yang benar dan rekaan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370477>

Al-Masalik Wal Mamalik / Ibn Khordazbah (Translated) Arsyad Mokhtar
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2017
211p.
9789671377789
\$ 25.00 / PB
236gm.

Sesuai dengan maksud tajuknya iaitu Laluan-laluan dan Kerajaan-kerajaan, maka kitab ini banyak menerangkan mengenai laluan antara satu tempat ke satunya tempat, terutamanya dalam kerajaan Abbasiyah, laluan pos dan laluan perdagangan.

Selain itu pengarang turut menyentuh berkaitan geografi, sejarah dan keajaiban binaan-binaan.

Pengarang juga turut menyebut rangkap-rangkap pendek syair apabila melalui penyebutan beberapa nama tempat.

Ini adalah kebiasaan para pengarang zaman tersebut seperti juga dapat kita jumpai dalam karangan-karamngan silam masyarakat Melayu contohnya yang dihiasi pantun-pantun.

Kitab ini juga menerangkan tentang negera-negara bawah angin pada abad ke 10 Masihi termasuklah Alam Melayu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370478>

British dan Perang Enam Hari 1967 Arab – Israel / Muhamad Hasrul Zakariah
Pulau Pinang: Penerbit USM-Universiti Sains Malaysia, 2017
xvi, 494p.
Includes Index ; Bibliography
9789674611170
\$ 35.00 / PB
758gm.

Perang Enam Hari Arab-Israel yang tercetus pada 5 hingga 10 Jun 1967 merupakan titik hitam dalam sejarah Asia Barat yang membawa kepada perubahan struktur geopolitiknya khususnya di Palestin dan impaknya kekal sehingga kini. Hampir 90 peratus sumber yang digunakan adalah dokumen asli kerajaan British daripada The National Archive, London. Karya ini merupakan satu-satunya karya asli berbahasa Melayu yang memperincikan kronologi penglibatan British dalam perang tersebut. Persoalannya, benarkah British mengamalkan dasar ‘bebas, berkecuali dan seimbang’ dalam konflik di Asia Barat seperti yang diuar-uarkannya? Karya ini akan merungkai persoalan tersebut. Peminat, pengkaji dan pelajar sejarah disarankan memiliki buku ini untuk membuka mata tentang ‘permianan’ dan sikap sebenar British dalam perang ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370479>

Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan / (Eds) Salasiah Che Lah & Norizan Esa
Pulau Pinang: Penerbit USM-Universiti Sains Malaysia, 2015
xiv, 128p.
Includes Index
9789838619219

1. Ethnoscience
2. Traditional ecological knowledge
3. Knowledge, Theory of

\$ 12.50 / PB
250gm.

Ilmu kearifan tempatan komuniti Melayu dan komuniti etnik lain adalah sesuatu yang sangat berharga dan patut diketengahkan untuk dipelihara dan dipindahkan kepada generasi yang akan datang. Ia sepatutnya menjadi warisan kebanggaan serantau sebagai sesuatu yang tak lapuk dek panas, dan tak lekang dek hujan. Oleh itu, Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan membincangkan ilmu kearifan tempatan ini daripada aspek pendidikan, sama ada pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal. Selain itu, pemindahan dan pemeliharaan ilmu yang lebih sistematik juga diutarakan agar kelestarian ilmu ini dapat dikekalkan sebagai rujukan pada masa akan datang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370480>

Masyarakat Siam Kelantan : Sejarah, Sosiobudaya dan Bahasa / Nur Azuki Yusuff

Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2017

xiv, 158p.

Includes Index

9789670955735

1. Thais – Kelantan
2. Thais – Social life and customs
3. Thais – History

\$ 17.50 / PB

264gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370481>

Kelantan : Sejarah, Adat dan Warisan / (Organizer) A. Aziz Deraman & Baharin

Ilias

Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2018

xiv, 658p.

Includes Index

9789832391364

1. Kelantan (Malaysia) – History
2. Kelantan (Malaysia) – Social life and customs

\$ 30.00 / PB

996gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370482>

Lembah Mansuli : Lahad Datu, Sabah dalam Prasejarah Asia Tenggara / Jeffrey

Abdullah (Ed) Noriyanti Jahaya

Penerbit USM Siri Monograf

Pulau Pinang: Penerbit USM-Universiti Sains Malaysia, 2013

xii, 106p.

Includes Index ; Bibliography

9789838616119

1. Antiquities, Prehistoric – Sabah – Lahad Datu, Sabah dalam prasejarah Asia Tenggara

2. Sabah – antiquities

\$ 7.00 / PB

188gm.

Lembah Mansuli merupakan satu lembah yang mempunyai urutan budaya yang paling panjang bermula dari 235,000 hingga 3,000 tahun dahulu. Hal ini menjadikan lembah ini yang tertua daripada segi prasejarahnya di Borneo yang telah dipertarikhkan secara kronometrik. Kini prasejarah Sabah diletakkan hampir sezaman dengan permulaan prasejarah di kawasan lain di Asia Tenggara. Lembah Mansuli juga telah meningkatkan kefahaman budaya masyarakat Paleolitik di Sabah khasnya dan Asia Tenggara amnya daripada segi perubahan teknologi alat bani dan hubungan dengan persekitaran terutamanya turun naik paras laut semasa Zaman Pleistosen. Ia juga membuktikan bahawa migrasi manusia awal ke Borneo bermula sekurang-kurangnya pada pertengahan Zaman Pleistosen dan hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa perubahan paras laut pada ketika itu memainkan peranan dalam migrasi manusia awal di Asia Tenggara. Malah, persekitaran dan iklim juga turut mempengaruhi masyarakat Paleolitik yang menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku masyarakat tersebut daripada segi teknologi dan adaptasinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=223835>

Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka / (Eds) Mohd Samsudin,

Zulkanain Abdul Rahman & Aziz Ujang

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

266p.

Includes Index

9789674124977

1. Government publications – Malaysia
2. Melaka (Malaysia) – History
3. Melaka (Malaysia) – Economic conditions
4. Melaka (Malaysia) – Social conditions
5. Melaka (Malaysia) – Social life and customs

\$ 20.00 / PB

394gm.

Buku ini adalah berasal daripada hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik daripada universiti tempatan dan luar negara yang dibentangkan dalam Seminar Malaka sebagai Pusat Penubuhan Maritim Antarabangsa. Bab-bab dalam buku ini disusun mengikut tema bagi memudahkan pemahaman mengenai perkembangan yang berlaku pada zaman Melaka. Kandungan buku ini berkisar tentang kajian arkeologi berkenaan pengiraan semula tarikh penubuhan dan pengasasan Negeri Melaka yang dikatakan bermula sejak awal 1262 Masihi. Pada masa yang sama, tajuk lain yang diberikan tumpuan adalah Melaka sebagai palabuhan maritim yang berasaskan kepada sumber dari China dan sejarah hubungan Ryukyu-Melaka yang berasaskan sumber dari Jepun. Selain itu, buku ini juga menyingkap tentang kehebatan pelabuhan Melaka berasaskan sumber sejarah Indonesia, selain daripada menyentuh aspek kegemilangan hubungan diplomatik Empayar Melaka. Pada ketika itu, Melaka Berjaya menjadi kuasa perdagangan terpenting yang telah menarik kuasa besar dunia mengadakan hubungan perdagangan dengan Melaka. Melaka juga telah menjadi pusat penyebaran Islam pada rantau ini kerana Sejarah Melayu telah menggambarkan Melaka sebagai empayar Melayu dan Islam yang teguh dan stabil berdasarkan susunan politik tradisional yang teratur. Melaka mempunyai Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang menjadi panduan Raja-raja dan para pembesar Melaka mentadbir Kerajaan Melaka. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan dalam menelusuri sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370483>

Keguruan Beretika / Abdul Rahman Md. Aroff
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPMPress), 2018
viii, 168p.
Includes Index
9789673448043

1. Teachers – Professional ethics – Malaysia
2. Teachers – Attitudes – Malaysia
3. Government publications – Malaysia

\$ 24.00 / PB

314gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370484>

Tumbuhan Ketum Di Malaysia : Cabaran dan Prospek / Halim, Siti Alida John Abdullah & Rusniah Ahmad
Sintok, Kedah: UUM Press, 2018
xviii, 136p.

Includes Index ; Bibliography

9789672064800

1. Mitragyna
2. Rubiaceae
3. Medicinal plants
4. Materia medica, Vegetable

\$ 22.50 / PB

240gm.

“Ketum...satu-satunya tumbuhan yang mempunyai potensi teramat tinggi dari sudut perubatan... memerlukan kajian yang sebelum ini tidak pernah diterokai dengan mendalam dan menyeluruh. Potensinya adalah lebih tinggi daripada pokok opium dari sudut khasiat perubatan. Pihak berwajib perlu melihat aspek kesihatan dan potensi ini dengan lebih serius. Ketum boleh diibaratkan sebagai “The magical plant of Malaysia”.

- Prof. Dr. Mustafa Ali Mohamed, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.
Sumbangan Ibn-Sina (The father of early modern science) kepada rawatan alternatif menggunakan tumbuh-tumbuhan hukum dan nisbah ‘al-mijaz’ iaitu tentang tata-cara mengguna, kaedah menyimpan-mengawet serta memberi preskripsi tentang penyediaan adunan tumbuhan agar memberikan kesan terapeutik kepada pengguna. Theophrast (The father of botany) pula memberi nasihat bagaimana tumbuh-tumbuhan bertoksid boleh meninggalkan kesan ketagihan jika tidak dipantau pengambilannya. Justeru, ketum berpotensi untuk dikaji secara saintifik dan dikomersialkan agar manfaatnya adalah untuk kemashlahatan ummah. - Samihah Khalil, Universiti Utara Malaysia

<http://www.marymartin.com/web?pid=370485>

Pulau Mengalum / (Eds) Mohd Harun Abdullah, Ismail Ali & Zulherry Isnain

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Sabah, 2017

xx, 182p.

Includes Index ; Bibliography

9789670521831

1. Pulau Mengalum (Sabah, Malaysia)
2. Kota Kinabalu (Sabah)

\$ 45.00 / PB

396gm.

Buku ini menghimpunkan 12 artikel yang ditulis berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pensyarah dan pengkaji dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke atas Pulau Mengalum. Hasil ekspedisi pada Mei 2015 ke pulau ini yang disertai oleh 30 orang pensyarah dan pengkaji dari UMS telah menghasilkan penulisan yang merangkumi aspek geologi, biologi, marin, sejarah, sosiobudaya, ekonomi dan pelancongan.

Buku ini mempersempahkan geospatial guna tanah pulau berkenaan sebagai pemula bab, diikuti oleh perbincangan mengenai sejarah; pangkalan data pulau berkenaan; oseanografi dan batimetri; kualiti air; siput; geologi; batu karang dan alga serta ekonomi dan pelancongan pulau tersebut. Usaha pihak UMS untuk menjayakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan di pulau ini secara ilmiah diharap akan menjadi titik pemula kepada kajian berikutnya pada masa mendatang. Buku ini juga diharap mampu menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji lain.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370486>

Etnisiti dan Konsumerisme di Malaysia / (Eds) Kartini Aboo Talib @ Khalid & Nazrin Zaidi

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

146p.

Includes Index

9789674124984

1. Consumer education – Malaysia
2. Ethnicity – Malaysia
3. Consumers – Malaysia
4. Consumers behavior – Malaysia

\$ 17.50 / PB

228gm.

Perbincangan etnisiti dan konsumerisme merupakan sebuah wahana penting untuk menaggapi dinamika sosial kerana ianya merupakan sebuah pengalaman seharian hampir seluruh masyarakat Malaysia. Buku ini memperlihatkan kosumerisme sebagai titik kepelbagaian wacana dalam konteks pengalaman di Malaysia yang rencam dengan kepelbagaian etnik. Buku ini juga cuba berkongsi beberapa tema yang berkaitan dengan pengguna secara multidimensi termasuk kesedaran pengguna, elemen media, gender, etnisiti dan sentiment pembelian oleh pengguna. Dunia globalisasi dan kemajuan teknologi sama ada melalui komunikasi atau informasi telah menyebabkan wujudnya pelbagai cabaran kepada pengguna sehingga mencetuskan konflik dan ketegangan dalam arus konsumerisme ini. Rasional pengguna malahan berubah dan tidak lagi ditentukan sepenuhnya oleh kapitalisme dan pasaran. Oleh itu, buku ini bermatlamat untuk memberikan perspektif baharu yang bersifat refleksif kepada pembaca dalam menganggapi urusan transaksi jual beli sebagai pengguna dalam kehidupan seharian.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370487>

Kejatuhan dan Kebangkitan arti Demokratik Liberal : Puak Gabungan Politik

Jepun / Saiyid Radzuwan Syed Sopi

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

278p.

Includes Index

9789674124809

1. Liberal Democratic Party
2. Political parties – Japan
3. Japan – Politics and government

\$ 17.50 / PB

412gm.

Perbincangan dan perdebatan dalam buku ini cuba melihat bagaimana kuasa menjadi sasaran utama golongan dominan dan politik kepartian yang memperlihatkan bagaimana kuasa menjadi rebutan serta mendasari pembentukan pakatan dan perpecahan gabungan dalam persaingan parti. Selain itu, buku ini juga mengenal pasti bagaimana birokrat, puak politik, veteran parti dan kumpulan zoku mencampuri urusan petadbiran negara sehingga menyebabkan kerajaan gabungan antiparti Parti Demokratik Liberal (Liberal Democratic Party – LDP) gagal mengekalkan kuasa dalam jangka masa yang panjang (1993 – 1994). Matlamat menghalalka cara yang dipelopori oleh Machiavelli digunakan sebagai senjata untuk melakukan percaturan kuasa. Selain itu, pendekatan penaung dinaung (oyabun kobun) yang telah sebatи dengan masyarakat Jepun dijadiakn sebagai mekanisme untuk membina hubungan pengusa dan menyokong hubungan antara ketua dan pengikutnya dibina dengan akrab, lebih terikat, bersifat kesalingan (reciprocity) dan bertahan lama. Oleh itu, kedinamikan ikatan hubungan tetap terpelihara walaupun unsur kepentingan menjadi sasaran ahli politik. Kerjasama politik bukan menjadi hak milik negara maju sahaja, malahan Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengamalkan konsep tersebut. Bukti yang paling nyata dalam menyokong kenyataan ini ialah amalan yang diaplikasikan oleh Barisan Nasional (BN). BN melihat kerjasama adalah stu kaedah yang paling efisien untuk membolehkan mereka meneruskan hegemoninya sebagai kerajaan. Parti pembangkang juga menjadikan kerjasama sebagai acuan untuk membolehkan mereka memberi tentangan terhadap BN. Jesteru, kerjasama politik merupakan satu kaedah berpolitik yang bukan sahaja digunakan oleh elit politik di Jepun, malahan elit politik di Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengaplikasinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370488>

Politik Suloh Malaya 1946-1947 / Arba'ahazura Hj Supa'at & Ishak Saat

Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2018

viii, 144p.

Includes Index ; Bibliography

9789672110460

1. Mass media – Political aspects – Malaysia
2. Mass media and social integration
3. Communication in politics
4. Political culture – Malaysia
5. Malaysia – Politics and government

\$ 12.50 / PB

250gm.

Buku ini menyingkap tentang peranan yang dimainkan oleh sebuah majalah politik Melayu bagi melahirkan kesedaran untuk menyatukan bangsa Melayu ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Penulisan ini juga turut memaparkan tentang sejarah penerbitan dan perkembangan Suloh Malaya sebagai majalah rasmi Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang mempunyai misi dan objektif tertentu dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370489>

Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan / Aziz Ujang &

Kadir Arifin

Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017

x, 114p.

Includes Index ; Bibliography

9789670924847

1. Nationalism – Malaysia
2. Ethnicity – Malaysia
3. Race relations – Malaysia

\$ 24.00 / PB

194gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370490>

Ulama Melawan vs. Ulama Tertawan : Satu Perspektif Sejarah / Auni Bin Haji Abdullah (Ed) Haris Zuan
Petaling Jaya, Selangor: SIRD-Strategic Information and Research Development Center, 2018
xiv, 386p.
Includes Index ; Bibliography
9789672165088
1. Ulama.
2. Ulama – History.
3. Ulama – Political aspects.
\$ 20.00 / PB
604gm.

Karya terbaru Saudara Auni Haji Abdullah ini memang tepat penulisannya ketika umat kini umumnya masih dangkal menguasai pengetahuan Islam sehingga menyebabkan berlakunya kekusutan serta kekeliruan pemikiran. Justeru, matlamat utama penulis untuk menghuraikan keserasian dan pertembungan dua kelompok terpenting dalam sejarah peradaban Islam iaitu umara' dan ulama' diharap akan meluaskan wacana mengenai peranan ulama dalam politik dan pentadbiran negara. — Dr Muhammad Nur Manuty.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370491>

Perundangan Buruh Malaysia – Indonesia dan Cabaran ASEAN / (Eds) Kamal Halili Hassan & Budi Santoso

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018
308p.

Includes Index ; Bibliography

9789674125066

1. Labor policy – Malaysia
2. Foreign workers – Malaysia
3. Foreign workers – Indonesia – Malaysia
4. Foreign workers – Legal status, laws, etc, – Malaysia

\$ 17.50 / PB

456gm.

Golongan pekerja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan industri di semua negara ASEAN. Isu perburuhan dan mobiliti buruh berlaku di Asia Tenggara dengan sejumlah pekerja merantau ke negara jiran bagi mencari mata pencarian. Kerangka perundangan mobiliti buruh ASEAN digerakkan dibawah blue-print Komuniti Ekonomi ASEAN dengan tumpuan kepada gerakan pekerja mahir dan profesional di rantau ini. Situasi kini ialah setiap anggota ASEAN bersetuju untuk mengiktiraf ahli profesional di sesebuah negara ASEAN lain supaya dapat beramal dan berkhidmat di mana-mana negara ASEAN. Manakala bagi pekerja tidak mahir, boleh dikatakan kurang perkembangan berhubung keraangka perundangan yang berlaku di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN. Buku ini secara umumnya mencakupi persoalan terpilih undang-undang buruh di Malaysia dan Indonesia dan juga kerangka perundangan ASEAN berhubung buruh dan perkhidmatan. Isu yang dipaparkan kebanyakannya tertumpu kepada beberapa persoalan yang berhubung kait dengan golongan pekerja yang selama ini agak terbiar dan terlepas dari skip undang-undang pekerjaan seperti pembantu rumah, pekerja asing tanpa izin dan pekerja kurang upaya. Buku ini sesuai untuk bacaan para pekerja, majikan, pemimpin kesatuan sekerja dan ahli akademik di Malaysia dan Indonesia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370492>

Keusahawanan Sosial Islam : Gagasan dan Perspektif / Nik Yusri Musa, Burhan

Che Daud & Ruzzaini Ijon

Kota Bahru, Kelantan: Penerbi UMK, 2017

xii, 244p.

Includes Index

9789670955780

1. Business – Religious aspects – Islam
2. Entrepreneurship – Religious aspects – Islam

\$ 17.50 / PB

386gm.

Buku ini merupakan gabungan tulisan dan idea untuk mensinergikan idea pemikiran Barat dan Islam mengenai pendekatan keusahawanan sosial dari aspek teori dan praktis dalam usaha mengangkat gagasan idea berkaitan dengan tema keusahawanan sosial Islam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370493>

Benua Tua Melayu : Sumber Peradaban Dunia – Menyelaraskan Sejarah

Pergerakan Manusia Sejagat Berdasarkan Kita Berbanding Sains / Radzi Sapiee

@ Merah Silu

Rawang, Selangor: Wasilah Merah Silu Enterprise, 2018

320p.

9789671064122

1. Ethnoscience – Malaysia
2. Malays (Asian people) – Social conditions
3. Malays (Asian people) – Civilization
4. Malays (Asian people) – History
5. Traditional ecological knowledge

\$ 17.50 / PB

470gm.

Banyak kajian dari luar negara telah menegaskan bahawa Alam Melayu ini pernah wujud satu benua besar yang menjadi punca ketamadunan dunia sejagat. Adakah ini bermakna Nabi Adam AS diturunkan dari syurga ke Alam Melayu?

Buku ini cuba menyusun kembali duduk letak sejarah pergerakan manusia menurut zaman kehidupan 25 orang Nabi yang patut diketahui orang Islam. Apabila diselaraskan waktu antara turunnya baginda ke muka bumi menurut kitab berbanding munculnya manusia pertama Homo Sapiens seperti kita menurut sains, hasil dan implikasinya amat memerlukan jatkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370494>

Isu Undang-Undang : Transaksi Komersial / (Eds) Nazura Abdul Manap,

Rahmah Ismail & Anita Abdul Rahim

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

264p.

Includes Index

9789674124953

1. Commercial law - Malaysia

\$ 17.50 / PB

386gm.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=370495**](http://www.marymartin.com/web?pid=370495)

PenChinaan Malaysia : Tergadaikah Tanah Kedaulatan Bangsa? / Iris Institute

(Chief Ed) Asyraf Farique

Bangi, Selangor: Abad Sinergi Sdn Bd., 2018

iv, 346p.

9789675473395

\$ 22.50 / PB

524gm.

Buku ini akan membawa kita menilai apakah kepentingan dan fungsi projek OBOR (One Belt One Road) terhadap ekonomi, dasar luar, keselamatan (hegemoni) dan strategi China. Adakah projek OBOR ini hanya sekadar satu projek propaganda ataupun projek ini sangat penting kepada negara China untuk merealisasikan impian mereka menjadi kuasa dunia?

[**http://www.marymartin.com/web?pid=370496**](http://www.marymartin.com/web?pid=370496)

Taman Laut di Malaysia : Kualiti Persekutaran dan Kelestarian Kehidupan /
Norilida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman & Abdul Hamid Jaafar
Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017
144p.

Includes Index

9789674125158

1. Marine parks and reserves – Malaysia
2. Marine resources – Malaysia
3. Government publication – Malaysia

\$ 15.00 / PB

222gm.

Kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan garisan khatulistiwa memberikan banyak kelebihan terutama keadaan fauna dan flora yang memukau keindahan. Antranya yang tidak asing lagi bagi Malaysia ialah pulau-pulau serta khazanah alamnya. Menyedari keadaan pulau yang menarik dan berlaku sedikit gangguan kepada ekosistemnya akhirnya telah membawa kepada penggezetan sejumlah 42 buah pulau kepada kawasan Taman Laut. Sejumlah lima (5) pusat pengurusan taman laut telah diwujudkan untuk menjaga kelestarian hidupan marin ini. Dengan penggezetan pulau sebagai taman laut semua aktiviti termasuk perikanan adalah dilarang kecuali yang tidak menggugat kestabilan ekosistemnya. Ini bermakna jika dahulu aktiviti ekonomi masyarakat pulau adalah sebagai nelayan, kini aktiviti tersebut tidak lagi dibenarkan. Larangan ini telah membawa perubahan sosioekonomi masyarakat daripada nelayan kepada struktur baru khususnya dalam bidang pelancongan. Ini kerana dengan membangunnya pulau sebagai taman laut, aktiviti berkait dengan pelancongan dari semasa ke semasa kian dibangunkan. Dengan cara ini, kualiti persekitaran taman laut dapat dipertingkatkan dan kelestarian kehidupan komuniti dapat dikekalkan. Di sini, buku yang berjudul: Taman Laut di Malaysia – Kualiti Persekutaran dan Kelestarian Kehidupan ini jelas membincangkan taman laut pada peringkat antarabangsa dan di Malaysia serta masalah yang sering dihadapi khususnya yang berkait dengan kualiti marin. Aspek pelancongan dan kesan kepada komuniti turut diberikan perhatian. Ini kerana pembangunan pelancongan sememangnya telah dikenal pasti sebagai salah satu aktiviti yang berpotensi meningkatkan pendapatan komuniti dan menangani masalah kemiskinan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370497>

Kedaulatan Raja-Raja Melayu : Jurisprudens Governan dan Prinsip Perlembagaan
Persekutuan / Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain

Bangi, Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd., 2018

xxxii, 360p.

Includes Index

9789675473418

1. Monarchy – Malaysia
2. Constitutions – Malaysia
3. Malaysia – Politics and government

\$ 50.00 / PB

580gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370498>

Ke Arah Pembangunan Rantau Damai : Dinamika Asia Tenggara dan Laut China Selatan : Dipersembahkan sebagai Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 9 Mac 2018 di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia / Rashila Ramli
Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018
68p.

Includes Index

9789674125769

1. Regionalism – Asia – History
2. Human geography – Asia – History
3. Geopolitics – Asia – History
4. Law of the sea – South China Sea
5. Sea control – Political aspects – South China Sea
6. Speeches, addresses, etc.
7. Government publication – Malaysia
8. South China Sea – International status
9. South China Sea – Strategic aspects
10. Southeast Asia – Boundaries

\$ 10.00 / PB

144gm.

Dari segi sejarah, Laut China Selatan menjadi laluan perhubungan, pelayaran dan pengangkutan terbuka yang penting di antara pulau-pulau dengan tanah besar di rantau Asia Tenggara, dan laluan perairan yang utama di antara Benua Eropah dengan Asia. Pada zaman globalisasi oriental klasik, kawasan perairan ini diguna tanpa perbalahan tentang sempadan. Namun, globalisasi oksidental yang bermula dengan penerokaan dan penjajahan Barat serta kemunculan negara bangsa membawa pemikiran tentang pemilikan sempadan. Pada 1948, apabila China menghasilkan Peta Garis Putus Sembilan (9-Dash Line), tindakan ini menjadi pencetus bagi Laut China Selatan ditangani sebagai isu keselamatan strategik oleh banyak perlaku, khususnya China, negara-negara anggota ASEAN, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU). Perkara ini mulai ketara mulai 1970-an. Menjelang 2009 sehingga sekarang, terdapat enam tuntutan yang pelbagai dan sering bertentangan terhadap rantau ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370499>

Keganasan Komunis dan Kesannya pada Zaman Darurat 1948-1960 di Daerah Hulu Langat, Selangor / Roslan Muhammad & Ishak Saat

Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2017

xii, 182p.

Includes Index ; Bibliography

9789672110439

1. Malayan Communist Party – History

2. Communism – Malaya

\$ 15.00 / PB

310gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370500>

Mengukuh Tradisi Membina Wibawa / Zulkifli Hj Zainal Abidin (Ed) Zahimi

Zainol Abidin, Burhanuddin Jalal & Rafizul Rozlee

Kuala Lumpur: Penerbit UPNM-Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 2018

viii, 111p.

9789675985614

1. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

2. Education – Higher – Aims and objectives – Malaysia

3. Universities and colleges – Malaysia – Kuala Lumpur

\$ 15.00 / PB

278gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370501>

Rampai Sari Persada Ilmuwan / Abdul Razak Hussin
Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018
130p.

Includes Index

9789674125134

1. Universiti Kebangsaan Malaysia
2. Education, Higher – Malaysia – Bangi (Selangor)
3. Universities and colleges – Malaysia – Bangi (Selangor)
4. Government publications – Malaysia

\$ 15.00 / PB

246gm.

Sejumlah 35 rencana ini adalah antara jurus pandang seorang pentadbir mapan terhadap wilayah keilmuan di alma meternya, UKM. Kesemua tulisan berkenaan disiarkan dalam akhbar perdana tanah air iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Harian Metro bermula 2009 hingga yang terkini pada 2017.

Penulis memanfaatkan ruangnya untuk memerihalkan tuntutan dan tentang UKM dalam banyak segi yang melibatkan ilmu itu sendiri, sumbangan terhadap pendidikan kebangsaan, masyarakat setempat dan antarabangsa. Dari lantai kepimpinan utama, akademia sehingga ke tatausaha dan mahasiswa, penghormatan terhadap ilmu menjadi tumpuan penulisan buku ini. Keterlibatan secara lansung dengan pengurusan universiti, menemukan penulis akan beberapa sosok peribadi yang mengilhamkan bukan sahaja dalam perihal akademik malah lebih lagi akan nuansa kemanusiaan yang dedepani mereka. Bagaimana menerusi ilmu, manusia dapat tumbuh sebagai pewakilan terhadap kemasalahatan banyak pihak. Ilmu juga yang melebarkan sayap keluhuran untuk manusia terbang menuju harkat yang lebih terhormat. Menarik sekali tokoh-tokoh yang diangkat penulis dalam rakaman tintanya ini turut menyeberangi topografi Bangi; pembaca di bawa ke Terengganu, Sabah dan Indonesia. Himpunan pengalaman panjangnya dalam pentadbiran dan ruang keilmuan ini turut berhubung dengan perekayasaan bahasa Melayu, kebudiman serta iltizam dalam apa jua upaya. Lewat buku ini, penulis menyakini bahawa penyerahan sesebuah universiti seperti UKM bukan sahaja diukur dalam pemerihalan penghasilan ijazah, namun lebih mendasar adalah menumbuhkan harga diri dan sahsiah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370502>

Neofeudal UMNO : Politik dan Pembangunan Luar Bandar / Mazli Bidu & Dr. Jamaie Hamil
Petaling Jaya, Selangor: SIRD-Strategic Information and Research Development Center, 2018
xviii, 150p.
9789672165149

1. UMNO
2. Political parties – Malaysia.
3. Rural development – Malaysia.
4. Malaysia – Politics and government.
5. Malaysia – Social conditions.
6. Jamaie Hami.

\$ 12.50 / PB
264gm.

Epistemologi feudalisme boleh dikaji dari pelbagai perspektif termasuk sejarah, undang-undang, ekonomi, sosiologi dan sains politik. Feudalisme juga dilihat dari sudut geopolitik dengan kajian-kajian tertumpu kepada feudalisme di Benua Eropah Barat, di Asia Timur dan Asia Tengah dan juga kajian feudalisme yang mengkhusus negara-negara tertentu. Di negara ini feudalisme turut menjadi subjek kajian terutamanya berkaitan budaya feudal golongan istana dan kaum Melayu secara komprehensif. Peredaran masa menyaksikan neofeudalisme pula mengambil tempat dalam dunia kajian sosiopolitik.

Budaya politik masyarakat di luar bandar cukup menarik untuk dibahaskan kerana penguasaan geopolitik kawasan luar bandar merupakan katalis dan penentu kejayaan kepada mana-mana parti politik dalam pilihan raya khususnya di Malaysia. Kawasan luar bandar menjadi deposit tetap kepada kelangsungan kemenangan kebanyakan kerusi parlimentari pemerintah. Perkembangan ini menjadi stimulus dan dorongan kepada pengkaji serta pemerhati politik untuk mencari bahan bacaan yang membincangkan budaya politik neofeudal yang sinonim dengan sosiopolitik luar bandar.

Buku ini turut merangsang pembaca untuk terjun sama ke dunia politik menerusi analisis sebenar tentang hegemoni dan survival kuasa parti pemerintah. Bukan sekadar membicarakan teori dan konsep sains politik, buku ini memberi pemahaman tentang bagaimana kuasa dieksplotasi untuk mengukuhkan kedudukan politik sehingga mencambahkan kesedaran palsu, akur dan wala' nya masyarakat kepada pemimpin politik. Buku yang menyentuh budaya politik neofeudal UMNO ini boleh menambah korpus ilmu berkaitan budaya politik feudalisme dan neofeudalisme di negara ini. Tambahan pula buku ini dihasilkan menerusi kajian yang reliable hasil input daripada sumber perpustakaan, temu ramah malahan penulis sendiri turun padang melihat dan mendapatkan maklumat di kawasan kajian. Pengalaman penulis bertugas di agensi kerajaan juga telah membantu penulis mendapatkan informasi daripada pelbagai agensi kerajaan berkaitan pembangunan luar bandar.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370503>

Bandaraya Bestari : Sistem Kerajaan Elektronik dan Masyarakat Global

Bermaklumat / Jalaluddin Abdul Malek

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

194p.

Includes Index

9789674124533

1. Nation-state and globalization – Malaysia
2. Urban policy – Malaysia
3. City and town life – Malaysia
4. Sociology, Urban – Malaysia

\$ 18.00 / PB

294gm.

Bandaraya Bestari adalah konsep pembangunan bandar yang baharu dan berkonseptan mikro kepada bandaraya global (global cities). Konsep ini masih baharu pembangunannya di Malaysia terutama pada era 1990-an dan era tahun 2000. Persoalannya bagaimanakah konsep bandaraya bestari boleh difahami oleh masyarakat jika tiada pendedahan dibuat khususnya mengenai komponen pembangunan bandar ini. Perlaksanaan pembangunan bestari (intelligent city) telah menjadi agenda utama pembangunan Rancangan Malaysia ke-8 (RMK8). Ini terbukti dua buah bandar utama telah dibina oleh kerajaan Malaysia iaitu Putrajaya dan Cyberjaya dibangunkan sebagai bandaraya bestari. Langkah tersebut juga diikuti oleh pihak swasta membangunkan kawasan bandar baharu sebagai bandaraya bestari. Sudah tiba masanya pendedahan mengenai konsep bandaraya bestari didedahkan kepada umum dan pihak yang berminat dengan isu pembangunan bandar terkini. Pembangunan bandaraya bestari ini mempunyai konsep, model dan komponen yang menggambarkan hala tuju pembangunan bandar masa hadapan. Komponen utama bandaraya bestari seperti Putrajaya telah melaksanakan sistem kerajaan elektronik dan membangun masyarakat global bermaklumat. Konsep bandaraya bestari sangat membantu dalam memajukan teknologi bandar sedia ada atau bandar baharu supaya kehidupan penduduk menjadi sejahtera, lestari, berdaya huni dan berdaya tahan. Konsep bandaraya bestari boleh disimbiosikan dengan mikro pembangunan bandar seperti bandar selamat, bandar lestari, serta konsep bandar dalam bandar (city within cities). Kelengkapan teknologi terkini iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (information and communications technology – ICT) adalah infrastruktur dan infostruktur utama bandaraya bestari untuk merealisasikan komponen perlaksanaan seperti sistem kerajaan elektronik.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370504>

Pilihan Raya : Prinsip dan Hukum / Akram Kassab (Ed) Nurul Asyiran Abas
Shah Alam, Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd., 2017
xxviii, 228p.
9789672066194

1. Election – Religious aspects – Islam
2. Election – Malaysia
3. Malaysia – Politics and government

\$ 20.00 / PB

388gm.

Penekanan berkaitan pilihan raya merupakan perkara penting dalam kehidupan masyarakat dunia dan umat Islam khususnya walaupun kadang-kadang hasil daripada proses ini memberi manfaat yang kecil kepada sebahagian masyarakat tertentu. Persoalan apakah proses ini telah mengambil tempat hukum penyaksian yang dilakukan oleh pemilih ketika membuang undi dibahas berasaskan hukum agama.

Buku ini dibahagikan kepada lapan bab perbahasan dengan mengemukakan kajian dalam permasalahan besar berkaitan kefahaman politik dalam urusan pilihan raya termasuk juga perkara-perkara yang berkaitan perbezaan para ulama sama ada bersetuju atau menolaknya di samping mengemukakan pandangan yang pertengahan. Perbahasan perkara pokok dalam buku ini dilakukan dengan teliti berpandukan nas-nas al-Quran dan hadis di samping pendapat ahli tafsir serta pandangan ulama fiqh.

Para ilmuwan Islam dewasa ini amat mengambil berat berkaitan topik politik dan permasalahannya. Dengan perubahan yang pesat pada waktu ini tidak dapat dinafikan lagi bahawa perkara ini menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam memainkan peranan yang penting mendidik masyarakat mengamalkan sistem politik dan pilihan raya yang berteraskan ajaran Islam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370505>

Mengapa Mahathir? Dan Impian Pas Menjadi Kingmaker Dalam PRU14 / Ahmad
Lufti Othman
Ampang, Selangor: Ahmad Lutfi Othman, 2018
96p.
9789671428528
\$ 7.00 / PB
138gm.

PRU14 ibu segala pilihan raya, medan tempur sengit dan tragis. Korbannya juga diangka besar.

Buat pertama kali, gabungan pembangkang sepakat menamakan Dr. Mahathir Mohamad calon perdana menteri.

Mahathir, sosok pelbagai dimensi, dihormati juga digeruni, disanjung sekaligus diwaspadai, diharap membina semula negara yang rosak teruk namun turut diingati kerana ada sisi gelapnya dalam era 22 tahun.

PAS pula membawa tanda soal, siapa mendapat manfaat daripada penyertaannya sebagai blok ketiga dalam PRU14? Benarkah mengundinya hanya sia-sia? Kingmaker untuk Cash is King?

[**http://www.marymartin.com/web?pid=370506**](http://www.marymartin.com/web?pid=370506)

Penggunaan Bijak Undang-Undang / Roos Niza Mohd Shariff

Sintok, Kedah: UUM Press, 2017

xxiv, 286p.

Includes Index ; Bibliography

9789672064435

1. Consumer protection – Malaysia
2. Consumer education

\$ 16.00 / PB

466gm.

Buku ini mengupas hak pengguna dari pelbagai aspek perundangan. Bermula dengan latar belakang sejarah undang-undang kepenggunaan, buku ini mengupas isu-isu kepenggunaan dari sudut perundangan dan mencadangkan kaedah yang dapat membantu pengguna berlandaskan kaedah perundangan juga. Perbincangan turut menyentuh sejarah ekonomi dunia yang berkaitan kepenggunaan terutamanya sistem ekonomi kapitalis dan sistem pasaran terbuka dalam mendedahkan bentuk-bentuk manipulasi ke atas pengguna. Isu-isu kompleks lain yang turut dibincangkan termasuklah penipuan dalam Internet ke atas pengguna. Implikasi perundangan dalam isu rumah terbengkalai turut dikupas dengan mengutamakan hak pengguna dalam tuntutan ganti rugi. Pelbagai kes dalam salah laku perubatan dan pembedahan kosmetik boleh dijadikan tauladan di samping pengenalan kepada beberapa Akta dan Konvensyen yang berkaitan dengan kepenggunaan. Ancaman racun serangga, bahan kimia, bahan tiruan dan pengawet dalam makanan turut dikupas dari sudut perundangan. Isu alam sekitar serta Tribunal Tuntutan Pengguna turut dibincangkan dalam memperkasakan hak pengguna. Buku ini bertujuan mendidik pengguna ke arah bijak undang-undang dan tahu mengaplikasikan hak pengguna agar dapat mengelakkan pengguna daripada menjadi mangsa manipulasi dan penipuan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370507>

Transformasi Pendidikan : Teknik dan Vokasional Malaysia / Norlidah Alias,

Dorothy Dewitt & Khairul Azhar Jamaludin'

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2018

xvi, 148p.

Includes Index

9789674880163

1. Technical education – Malaysia
2. Vocational education – Malaysia
3. Education – Malaysia
4. Government publications – Malaysia

\$ 23.00 / PB

250gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370508>

Nabi Adam dan Orang Melayu 60,000 Tahun Lalu : Menyelaraskan Pengetahuan Tentang Penciptaan Manusia Berdasarkan Kitab Berbanding Sains / Radzi Sapiee @ Merah Silu

Rawang, Selangor: Wasilah Merah Silu Enterprise, 2018

320p.

9789671064115

1. Ethnoscience – Malaysia
2. Malays (Asian people) – Civilization
3. Malays (Asian people) – History
4. Malays (Asian people) – Social conditions
5. Traditional ecological knowledge

\$ 18.00 / PB

468gm.

Kajian DNA menunjukkan orang Melayu sudah meduduki Asia Tenggara seawall 60,000 tahun lalu. Maklumat daripada Al-Quran dan kitab pula menyatakan Nabi Adam turun ke muka bumi tak sampai 10,000 tahun lalu.

Kalau begitu bagaimanakah orang Melayu boleh menjadi keturunan Nabi Adam? Atau apakah Melayu merupakan keturunan manusia lebih awal yang dikenali sebagai Adam sebelum Adam?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370509>

Aspek Kemanusiaan Dalam Pengurusan Bencana / (Ed) Che Su Mustaffa (et al.)

Sintok, Kedah: UUM Press, 2018

xviii, 172p.

Includes Index

9789672064442

1. Emergency management.
2. Disaster relief
3. Humanities

\$ 20.00 / PB

292gm.

Pengalaman merupakan suatu perkara yang paling berharga dan menjadi suatu pengajaran dalam sebuah kehidupan. Jarang sekali kita memiliki pengalaman yang sama. Lantaran itu, perkongsian pengalaman merupakan satu perkara yang penting kerana daripada pengalaman seseorang memungkinkan kita untuk belajar menghargai serta menghayati sesuatu yang mungkin tidak pernah kita alami.

Meskipun banjir ialah perkara lumrah yang berlaku hampir setiap tahun di negara kita dan seolah-olah suatu kebiasaan bencana yang dialami saban tahun, namun pengalaman daripada dalam diri individu itu sendiri jarang dinukilkam. Mengambil beberapa tema yang penting tetapi perlu ditonjolkan sebagai kesan sesuatu bencana, buku ini tidak hanya menyentuh aspek teori dalam memerihalkan tentang sesuatu kesan bencana tetapi juga dari sudut pandang mangsa sendiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370510>

Pembangunan Mampan Luar Bandar / Ubong Imang & Ibrahim Ngah

Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press, 2017

xii, 196p.

Includes Index ; Bibliography

9789835214776

1. Rural development

2. Government publications – Malaysia

\$ 18.00 / PB

320gm.

Pembangunan mampan luar bandar adalah suatu proses perubahan pelbagai dimensi terhadap sistem luar bandar, termasuk pertumbuhan ekonomi, penambahbaikan keadaan sosial, pemeliharaan warisan dan sumber semula jadi yang dilaksanakan melalui pendekatan penyertaan dan penggunaan sumber tempatan secara cermat.

Justeru, selari dengan tren perkembangan agenda kemampanan dalam pembangunan negara, buku ini menghuraikan konsep, dimensi, dan indikator pembangunan mampan dengan penumpuan khusus mengenai kemampanan kawasan pengeluaran padi di Sabah.

Buku ini boleh membantu para perancang dan pelaksana pembangunan pertanian dan luar bandar memahami secara lebih mendalam idea pembangunan mampan yang dikaitkan dengan perancangan kawasan pengeluaran padi di Sabah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370511>

Makna Nilai Dalam Kehidupan / Noor Hisham Md Nawi

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2017

xii, 136p.

9789670955797

1. Ethics

2. Purity (Ethics)

3. Right and wrong

\$ 15.00 / PB

234gm.

Buku ini ditulis bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan pasaran semasa. Buku ini ditulis kerana ia penting untuk pembaca. Nilai sangat dekat dengan manusia. Manusia selamanya tidak akan mampu melarikan diri dari nilai atau menyembunyikannya. Sedar atau tidak manusia yang memilih nilai untuk dirinya. Buku ini mengangkat tema nilai untuk membawa masyarakat ke hadapan. Masyarakat yang maju adalah masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370512>

Kepimpinan Daripada Pelbagai Perspektif Dalam Konteks Malaysia / (Ed) Malike

Brahim, Marwan Ismail & Musliza Mohamad

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2017

xii, 204p.

Includes Index ; Bibliography

9789670955414

1. Malaysia – Politics and government
2. Malaysia – Social conditions
3. Women in politics – Malaysia
4. Political parties – Malaysia

\$ 18.00 / PB

334gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370513>

Usahawan Kelantan : Hanya Langit Menjadi Sempadan / Mohd Rosli Bin

Mohamad, Mohd Rafi Bin Yaacob & Mohamad Bin Ismail

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2017

xiv, 234p.

Includes Index

9789670955605

1. Entrepreneurship – Malaysia
2. Small business – Malaysia – Kelantan
3. Business enterprise – Malaysia – Kelantan
4. Government publication – Malaysia

\$ 15.00 / PB

384gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370514>

Prinsip Undang-Undang Di Bawah Akta Syarikat 2016 / Haslinda Mohd Anuar

(et al.)

Sintok, Kedah: UUM Press, 2017 (Second Print 2018)

xxviii, 304p.

Includes Index

9789672064534

1. Corporation law – Malaysia
2. Government publications – Malaysia

\$ 27.50 / PB

496gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370515>

Parti Amanah Negara : Cabaran, Halangan dan Potensi Sebagai Parti Islam
Berpengaruh, Berintegriti / Ahmad Lutfi Othman
Ampang, Selangor: Ahmad Lutfi Othman. 2018
xvi, 528p.
9789671428511
\$ 20.00 / PB
614gm.

Penubuhan Parti Amanah menimbulkan pelbagai salah faham dan tafsiran yang menyimpang. Para pemimpinnya dianggap golongan kecewa yang tidak dapat menerima kekalahan dalam Muktamar Pas 2015. Mereka dilabel pengkhianat, khadam DAP, malah "difatwakan darah halal dan wajar dihapuskan". Ia juga dijangka tidak dapat bertahan lama.

Namun begitu Amanah dilihat pengkaji politik sebagai parti masa depan yang cukup berpotensi dan berperanan besar menangani faham ekstremisme yang semakin merebak. Pendekatannya yang sederhana, membawa mesej Islam yang progresif, juga bersikap peduli rakyat dan insklusif.

Buku ini cuba menjawab berbagai-bagai persoalan dan keraguan yang timbul serta membawa penjelasan daripada pengasas Amanah sendiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370516>

Sejarah Naning : "Tanah Berkeramat Penghulu Berdaulat" / Luqman Nulhakim
Harzamar
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018
384p.
Includes Bibliography
9789671567654
\$ 35.00 / PB
512gm.

Naning merupakan sebuah wilayah yang cukup dikenali dalam sisi pandangan para pengkaji dan penggemar sejarah negara. Perkembangan sejarah Naning yang diolah oleh Belanda menyebabkan pentarikhan sejarah Naning dianggarkan wujud sekitar abad ke-17, sedangkan tarikh pembukaannya adalah sama dengan pemerintahan Sultan Muzafer Shah di Melaka.

Sejarah perkembangan kebudayaan di Naning merupakan titik permulaan kepada kelestarian Adat Perpatih dalam kalangan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan Datuk Perpatih Nan Sebatang ke Naning sekaligus telah merubah lanskap geopolitik masyarakat tempatan dan berjaya meluaskan pengaruhnya hingga ke rantauan orang.

Penulisan ini membahaskan perkembangan sejarah Naning mengikut proses zaman dan melihat hubungannya dengan sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Buku ini telah ditulis secara kritis dan membahaskan maklumat-maklumat yang pernah diguna pakai sarjana terdahulu dalam mengkaji sejarah Naning kerana berlakunya masalah kurang memahami sistem kebudayaan orang Naning secara praktikal. Justeru, buku ini bakal mengisi ruang lompong dalam institusi sejarah Naning berdasarkan hasil dapatan yang telah dianalisis secara emik dan praktik.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370517>

Cerminan Budaya dalam Kecemerlangan Tamadun / (Ed) Shuhairimi Abdullah,
Wan Nor Ashiqin Wan Ali & Huzili Hussin

Siri Diges Kemanusiaan

Kangar, Perlis: Penerbit UniMAP, 2017

xvi, 188p.

Includes Index

9789670922393

1. Technology – Sociological aspects
2. Information technology – Social aspects – Malaysia

\$ 22.00 / PB

310gm.

Kecemerlangan sesebuah tamadun akan mencerminkan ketinggian budaya yang dipraktikkan oleh sesuatu bangsa. Budaya dapat digilap dan ditonjolkan melalui setiap yang diperlakukan oleh individu. Budaya sihat yang dapat mencerminkan kecemerlangan sesebuah tamadun perlu bertepatan dengan tuntutan agama dan selari dengan fitrah manusia. Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan ketamadunan pada masa kini semakin kompleks dan berdepan dengan cabaran teknologi yang semakin pesat sehingga menyumbang kepada nilai-nilai kreatif dan inovatif dalam dunia pengeluaran dan perkhidmatan. Pergantungan manusia kepada teknologi juga menyebabkan teknologi dirasakan segala-galanya. Justeru, ia memerlukan kepada satu formula yang konkrit bagi mengatasi permasalahan yang berlaku dalam masyarakat agar tidak kronik. kerangka pembangunan insan yang ideal perlu bersesuaian dengan kondisi semasa, budaya, ideologi masyarakat kini dan berteraskan kepada petunjuk keagamaan agar sesebuah tamadun itu dapat dicemerlangkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370518>

Nusantara Malaysia dan Geopolitik Laut China Selatan / Hans-Dieter Evers
(Translated) Abdul Muein Abadi
(The 11th Pok Rafeah Chair Public Lecture Institute of Malaysian and International Studies Universiti Kebangsaan Malaysia delivered on 18 November 2016)
Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017
44p.
9789674124571
1. Geopolitics – South China Sea
2. International relations – Malaysia
3. Government publications – Malaysia
4. Malaysia – Foreign relations – Indonesia
5. Malaysia – Politics and government
\$ 10.00 / PB
94gm.

Malaysia ialah sebuah negara maritim yang terletak di lokasi strategik di antara Laut China Selatan dengan Selat Melaka. Ruang maritim di antara Lautan Hindi dengan Lautan Pasifik ini telah dikonsepsikan sebagai 'Nusantara' semenjak abad ke-14 lagi. Pada mulanya gagasan ini digunakan untuk merujuk kepada ruang laut yang wujud di antara pulau-pulau yang dianggap sebagai wilayah milik empayar Majapahit dan juga milik pelbagai kerajaan Melayu di sekitarnya; namun melalui perjalanan sejarah, konsep ini telah berubah dengan memberi makna yang berbeza-beza. Menurut makna asalnya, Nusantara merupakan sebuah konsep budaya dan geopolitik, yang merujuk kepada wilayah bumi dan air (tanah air) dengan sempadannya yang tidak begitu jelas dan berubah-ubah, yang pada hari ini merangkumi wilayah Asia Tenggara bahagian maritim serta perairan laut-laut sekitarnya. Justeru, dalam syarahan ini, Laut China Selatan ditakrifkan sebagai 'laut mediterranean', yang daripada perspektif Malaysia, merupakan sebahagian daripada Nusantara. Adalah dicadangkan di sini supaya konsep Nusantara digunakan bagi menggubal sebuah dasar maritim Malaysia. Dasar yang berdasarkan wilayah geografi ini boleh wujud secara bersaing dan seiring dengan dasar 'poros maritim' Indonesia serta dasar 'Laluan Sutera Maritim' China.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370519>

Menghubungkan Lautan : Malaysia Sebagai Negara Maritim / Hans Dieter Evers & Abdul Muein Abadi

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

58p.

Includes Index

9789674125226

1. Geopolitics – Malaysia
2. Geopolitics – Southeast Asia
3. International relations – Malaysia

\$ 10.00 / PB

96gm.

Kedudukan geopolitik Malaysia yang menghubungkan Lautan Hindi, Laut China Selatan, Kepulauan Nusantara, dan Lautan Pasifik merupakan satu sumber maritim yang lestari, yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya dari segi ekonomi dan politik. Syarahan ini menggabungkan analisis geopolitik dengan teori peradaban dan menghujahkan bahawa Malaysia ialah sebuah negara maritim yang sudah lama sebat dalam peradaban Nusantara. Dalam konteks ini kita membicarakan peranan bandar pelabuhan dan penghubungkaiatan bagi integrasi sosio-ekonomi ASEAN. Syarahan ini menunjukkan bagaimana konsepsi ruang yang berbeza masing-masing berakarkan peradaban Nusantara dan China mempunyai kesan ke atas penggubalan, pelasanaan dan kejayaan dasar-dasar maritime. Sebagai kesimpulan, syarahan ini membuat penilaian ke atas impak jangka panjang dasar Laluan Sutera Maritim China (OBOR) ke atas posisi Malaysia sebagai sebuah negara maritime di samping mengajukan usul pentingnya Malaysia menggubal sebuah dasar maritimnya yang baru.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370520>

Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak / Noralina Omar

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2018

xiv, 204p.

Includes Index ; Bibliography

9789674880101

1. Child Welfare
2. Children's rights
3. Family social work
4. Social work with children

\$ 24.00 / PB

328gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370521>

Kerajaan Pakatan Rakyat di Perak : Gelora dalam Politik Gabungan / Madhi Hasan & Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Bangi, Selangor: Penerbit UKM-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017
154p.

Includes Index ; Bibliography pg.176

9789674124380

1. Politics and politician – Perak
2. Perak – Politics and government

\$ 15.00 / PB

238gm.

Pemerintahan Pakatan Rakyat di Perak selama 11 bulan dari Mac 2008 hingga Februari 2009 bukan sahaja singkat tetapi juga penuh drama dan kontroversi. Bermula dengan kontroversi pemilihan Menteri Besar di peringkat awal pemerintahan Pakatan Rakyat di Perak, sehinggaalah isu pentadbiran dan penggulungannya. Untuk itu, buku ini dihasilkan bagi membincang dan merekod situasi tiga fasa, iaitu penubuhan, pemerintahan dan kejatuhan. Buku ini turut menganalisis secara kritis isu-isu utama sepanjang pemerintahan Pakatan Rakyat di Perak di dalam ketiga-tiga fasa tersebut.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370522>

Universiti Cemerlang: Menjana Kesejahteraan Sejagat / Wahid Omar (Ed)Kassim

Thukiman & Ungku Haliza Ungku Zahar

Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press, 2018

xxiv, 204p.

Includes Index

9789835215186

1. Universiti Teknologi Malaysia
2. Education, Higher – Malaysia – Johor
3. Education and state – Malaysia – Johor
4. Speeches, addresses, etc.
5. Government publications – Malaysia

\$ 22.50 / PB

444gm.

Dalam Buku Perutusan 2018, penulis memilih judul Universiti Cemerlang Menjana Kesejahteraan Sejagat. Judul ini amat signifikan disebabkan ia terus dihubungkait dengan falsafah UTM. Dengan jelas, falsafah ini mengungkapkan suatu usaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan sains, teknologi dan kejuruteraan melalui pendidikan tinggi demi membina kehidupan yang sejahtera dan makmur bagi masyarakat sejagat. Hakikatnya pendidikan tinggi merupakan tunjang utama dalam agenda pembangunan negara. Hal ini menepati hasrat untuk membina masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran dengan kesempurnaan nilai-nilai keinsanan. Jelasnya, dalam mana-mana peradaban, bidang pendidikan sentiasa diutamakan. Pendidikan bukan suatu komoditi untuk diperniagakan, bukan untuk mengejar ranking global, dan bukan untuk mendapat laba dunia. Pendidikan mesti disertakan dengan falsafah yang sarat dengan nilai-nilai ketuhanan dan keinsanan bagi menunjang pembangunan kemanusiaan yang holistik. Sesungguhnya bidang pendidikan menyumbang kepada peradaban manusia yang inklusif. Dalam konteks inilah, setiap warga UTM wajar memahami dan menghayati falsafah, visi, dan misi universiti agar kita fokus kepada tanggungjawab utama dalam pendidikan tinggi bagi mensejahtera rakyat dan memakmurkan negara sekaligus meletakkan Malaysia dalam kalangan negara-negara maju, selaras dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370523>

Pumpunan Budaya Peribumi Di Sabah / (Ed) Saidatul Nornis Hj. Mahali

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2017

xxii, 246p.

Includes Index

9789670521930

1. Ethnicity – Sabah (Malaysia)
2. Rites and ceremonies – Sabah (Malaysia)
3. Sabah (Malaysia) – Social life and customs

\$ 37.50 / PB

402gm.

Pumpunan Budaya Peribumi di Sabah menampilkan satu telaah budaya sebagai medium yang mengidentifikasi kelompok etnik khusus di Sabah. Buku ini menampilkan perbincangan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan peribumi Sabah yang beragam sifatnya.

Bermula daripada aspek adat-istiadat sehingga ke aspek rutin kehidupan yang melatari kelompok-kelompok etnik yang berkenaan. Memandangkan bahan-bahan berkait dengan masyarakat peribumi Sabah agak sukar diperoleh, maka buku ini ditampilkkan sebagai satu usaha menampung ruang lompong yang ada. Semoga buku ini mampu memberi manfaat kepada semua pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370524>

Pemulihan Terapeutik Remaja Hamil Luar Nikah / Siti Balqis Mohd Azam, Siti Haja Abu Bakar Ah & Haris Abd Wahab

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2018

xiv, 218p.

Includes Index ; Bibliography

9789674880071

1. Social work with teenagers
2. Social service
3. Government publications – Malaysia

\$ 27.00 / PB

346gm.

Pemulihan terapeutik berkisar kepada serangkaian intervensi rawatan diri yang memberi penekanan kepada pembangunan dan pemerkasaan diri individu.

Pendekatan ini menjadi elemen kepada keberkesanannya pemulihan terapeutik dalam membantu memulihkan dan membina semula kehidupan klien, khususnya kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, norma dan pelbagai jangkaan masyarakat.

Buku ini membincangkan ciri-ciri pemulihan terapeutik berkesan untuk pemulihan berasaskan institusi bagi remaja perempuan yang terlibat dengan salah laku seks. Buku ini juga membincangkan ciri-ciri pemulihan terapeutik berkesan untuk pemulihan berasaskan institusi bagi remaja perempuan yang terlibat dengan salah laku seks.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370525>

Identiti Politik dan Ekonomi Alam Melayu (500sm – 1511m) / (Chief Ed) Dr Norsaleha Md Salleh (et al.)
Bangi, Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd, 2018
vii, 199p.
Includes Index
9789675473401
\$ 22.50 / PB
350gm.

"Orang-orang Melayu dan Melayu-Polinesia adalah bangsa pertama di dunia yang berlayar di lautan luas, dan mereka berlayar jauh sebelum kompas dicipta. Mereka mampu belayar di Lautan Pasifik yang sangat luas dengan melakukan penelitian secara cermat terhadap bintang-bintang, ombak-ombak dan gelombang lautan, bentuk-bentuk awan, pergerakan-pergerakan burung dan ikan serta tumbuhan-tumbuhan yang hidup dalam laut. Mereka juga mampu untuk mengesan pulau-pulau sejauh 30 batu dari kedudukan mereka, mereka telah menghuni pulau-pulau dari persisiran Asia Tenggara hingga ke Pulau Paskah (Easter Island)."

-Hasanuddin Yusof. ms 154-

<http://www.marymartin.com/web?pid=370526>

Tanah Baru Naga Selatan / Mohd Herman Roslan
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2015 (Second Print 2018)
ix, 283p.
9789671377703
\$ 17.00 / PB
300gm.

Agak hairan juga apabila terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh orang Cina dalam membicarakan sejarah orang Melayu, namun amat kurang pula orang Melayu membicarakan persoalan sejarah kaum Cina di Malaysia yang di tumpukan hanyalah pada bidang politik mereka sahaja tanpa mengetahui punca-punca sebenar dan siapakah mereka ini. Hakikatnya banyak perkara yang perlu di ketahui oleh masyarakat Malaysia tentang bagaimana kaum Cina in menjalani sejarah mereka yang panjang. Suka duka dan pahit manis yang terapksa mereka tempuh dalam menguasai bidang ekonomi dan apakah punca yang menyebabkan semangat perkauman di antara mereka begitu kukuh hingga ke hari ini dan mengapa setiap tindakan atau keputusan yang dibuat akan senantiasa memberi kelebihan kepada mereka biarpun kadangkala terpaksa mengorbankan harta dan jiwa mereka sendiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370527>

Bukan Ustaz Bukan Peguam / Mohamed Hadi Ah (Ed) Muhammad Din
Nilai, Negeri Sembilan: Ilham Books, 2018
x, 214p.
9789672007159

1. Mohamed Hadi Ah, – 1985 – Anecdotes
2. Public Officers
3. Anecdotes

\$ 17.50 / PB
250gm.

Siapakah yang layak untuk menjadi Pegawai Syariah di sebuah institusi kewangan Islam? Mereka tidak dianggap sebagai Peguam, bukan juga sebagai Ustaz. Namun, seorang Pegawai Syariah memikul tugas agama yang besar, iaitu memartabatkan undang-undang muamalat Islam dalam arus perdana kewangan Negara. Ada yang menyangka dunia kewangan Islam ini indah-indah bekala, berelaun lumayan, bersidang di sana-sini, dan mendapat perhatian lensa media massa. Benarkah begitu?

Buku ini memuatkan catatan santai anekdot penulis, berkenaan perjalanan akademik beliau, meniti dari satu kerjaya ke kerjaya yang lain sehinggalah bagaimana penulis boleh ‘mendarat’ dalam dunia institusi kewangan Islam. Para pembaca juga akan dibawa untuk melihat isu-isu kewangan semasa melalui kaca mata seorang pengamal bidang undang-undang dan kewangan Islam, misalnya dalam bab DNA Babi dalam Urusan Kewangan, Indahnya Haram, dan Ayam Sembelih Ayam Tak Sembelih.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370528>

Malaikat Di Barat, Syaitan Di Timur / Haeme Hashim
Shah Alam, Selangor: Write & Brave, 2018
240p.
9789671597231
\$ 12.50 / PB
258gm.

Buku bukan-fiksyen, hibrid antara travelog, kritikan sosial, sejarah dan politik dunia. Buku ini adalah hasil daripada pemerhatian sang penulis sepanjang pengalamannya di negara-negara Barat dan negara-negara di Timur. Pengalaman dan pemerhatiannya dibanding-bezakan antara kehidupan di Barat dan Timur. Cuba merungkai dan membentulkan stigma masyarakat Timur, terutamanya rakyat Malaysia, bahawa Barat itu tidak sentiasa karat. Kadangkala Barat itu lebih berkat. Lebih diberkati daripada rakyat di Timur yang sentiasa melihat Barat sebagai jahat.

Buku ini bakal meluaskan horizon pemikiran pembaca dengan pelbagai salah faham mengenai Barat melalui kaca mata penulis.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370529>

Rentaka Sekalian Bijaura / Cik Srikandi
Shah Alam, Selangor: Write & Brave, 2018
449p.
Includes Bibliography
9789670774602
\$ 18.00 / PB
508gm.

Kita tidak perlu lagi takut dengan sejarah kita sendiri. Sejarah kita bukanlah hulubalang dan keris yang tewas dengan meriam-meriam Portugis. Sejarah yang diceritakan tanpa asas-asas yang kukuh hanyalah dongengan semata. Rentaka Sekalian Bijasura adalah senjata yang ditempa Srikandi untuk semua. Walau hitam atau putihnya sejarah itu, ia mesti mendidik kita menjadi berani dan kuat. Sejarah bukan lagi untuk berpenglipur lara mengalir air mata, tetapi sebagai azimat perjuangan membantai kelesuan hidup, mengalir sebagai adiwira.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370530>

Kebangkitan Rakyat Menentang Inggeris di Terengganu / Abu Bakar Abdullah & Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim
Terengganu: Pustaka Damai MTT
180p.
\$ 12.50 / PB
206gm.

Kebangkitan rakyat Malaysia khususnya rakyat Terengganu Darul Iman dalam menentang penjajah Inggeris dan mereka yang bersengkongkol dengannya adalah cetusan daripada semangat jihad yang bertunjangkan akidah Islam. Mereka berjuang bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negeri, menghalang penjajah daripada campurtangan dalam urusan pemerintahan dan perundungan yang berteraskan Islam dan membebaskan negeri daripada penjajah kuasa asing.

Perjuangan mereka yang dipimpin oleh para pembesar negeri, ulama dan pimpinan tempatan tidak boleh dipandang ringan apatah lagi dilupakan oleh generasi kini dan akan datang terutamanya bagi mereka yang mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menyambung dan meneruskan perjuangan ini mengikut kaedah-kaedah, teknik dan strategi yang sesuai dengan keadaan dan perkembangan semasa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370531>

Malaysia Military Power / Faris Jamalludin & Danny Liew (Ed) Syazrul Aqram & Helmi Effendy

Ampang: Patriot Publications, 2017

308p.

9789671539422

1. Military readiness
2. Military reconnaissance
3. Essay
4. Malaysia – Armed Forces
5. Malaysia – Military policy
6. Malaysia – Military relations
7. Malaysia – Foreign relations

\$ 10.00 / PB

290gm.

“Arma Pacis Fulcrum”

Armed Strength for Peace

Keselamatan negara terletak pada bahu Angkatan Tentera Malaysia yang berjaga siang dan malam, demi kesejahteraan kita sebagai rakyat. Agar kita dapat tidur dengan leluasa pada waktu malam dan bangun tidur dengan tenang tanpa memikirkan perang.

Malaysia Military Power adalah buku yang mengandungi penerangan tentang keupayaan anggota-anggota keselamatan negara, ulasan mengenai pemodenan senjata, dan cadangan-cadangan yang boleh meningkatkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman murka.

Bak kata veteran perang;

“SI VIS PACEM, PARA BELLUM”.

“IF YOU WANT PEACE, PREPARE FOR WAR.”

<http://www.marymartin.com/web?pid=370532>

Advancer Si Penjual Buku / Benz Ali

Petaling Jaya, Selangor: RepublikBuku (Fajar Kiri Publication), 2017

316p.

9789671399361

\$ 30.00 / PB

268gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370533>

Tasjil Anis Salatin Rahsia Agung Melaka : Koleksi Catatan Gading Bertuan
Tentang Sultan Melaka Sekitar Abad ke-16 Hingga Abad Ke-17 / Farahana
Shuhaimi

Ampang: Patriot Publications, 2018

256p.

9789671539439

1. Malacca – History
2. Melaka – Kings and rulers - History

\$ 14.00

Kesultanan Melayu Melaka seringkali menjadi bahan polemik apabila sejarahnya dibangkitkan dan dinukilkhan. TAS akan membawa pembaca menelusuri himpunan petikan-petikan berkenaan kerajaan agung bangsa Melayu ini merentas catatan dan manuskrip dari dalam dan luar negara. Ikuti garapan sosio-budaya dan sosio-ekonomi Kesultanan Melayu Melaka di dalam buku yang pasti dapat menjawab segala persoalan anda mengenai ketamadunan ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370534>

Gagasan Harmoni : Tawaran Mahasiswa / (Ed) Nadhirah Mohd Khairudin
Petaling Jaya, Selangor: Gerakbudaya Enterprise, 2018

xiv, 258p.

9789670311135

1. College students – Malaysia
2. Universities and college – Malaysia

\$ 12.50 / PB

258gm.

Ramai dalam kalangan mahasiswa mampu untuk mengenal pasti masalah, namun berhenti setakat itu. Maka mereka dilihat sekadar bersungut. Sebahagian lagi berusaha menghuraikannya dan mereka dilihat sebagai pengkaji yang boleh menghubungkan pelbagai maklumat. Hanya sekumpulan kecil yang mampu untuk menawarkan penyelesaian dan mereka dinilai sebagai intelektual masyarakatnya.

Buku ini adalah cubaan sekumpulan mahasiswa untuk mengemukakan tawaran mereka – kerana mereka tidak puas hanya sekadar dengan cakap-cakap tentang masalah. Mereka muh mencabar diri untuk keluar daripada kovensi. Semoga buku ini akan diraikan dengan sanjungan dan kritikan, kerana demikianlah ilmu berkembang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370535>

Young Chef in the House / Ahmad Amirul Imran

Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn Bhd., 2018

192p.

9789672038580

1. Cooking, Malaysia

2. Recipes – Malaysia

\$ 17.50 / PB

298gm.

“Ayah selalu pesan supaya berbuat baik dengan orang. Fikir orang dulu baru fikir kita. Pesan mama jangan sompong. Banyak yang dipesannya sebagai seorang ibu. Saya rasa kita dengar dan buat setakat mana yang kita mampu. InsyaAllah kita selamat.”

Perjalanan seorang pemuda yang rendah diri akan keputusan akademiknya memandangkan profil kedua-dua orang tuanya yang sangat cemerlang dalam dunia akademik. Daripada mendalami bahasa Arab, kemudian anak muda ini bergelumang dengan perkakas dapur. Akhirnya dia menemui minat sepanjang kembaranya di atas bumi Tuhan dan mengasah bakatnya dalam bidang seni kulinari. Dari dapur rumah nenek masuk ke dapur restoran mewah. Young Chef in The House, naskah yang mungkin bakal menjentik anda untuk sedar bahawa keinginan dan cita-cita kita bukanlah seperti memesan makanan restoran, semudah baca menu, kemudian pilih dan terima hidangan. Ada impian tidak tertulis dalam menu. Kita perlu membuat sendiri ramuan, mencipta resipi, dan memasaknya sendiri di dapur rumah. Impian kita adalah resipi kita. Unik dan tidak perlu sama dengan orang lain.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370538>

Ma Facon (a fa-sawn) : Mauritius, Reunion Island, Madagascar /Alisa Omar (Ed)

Fandy Taher

Kuala Lumpur: Kertas Terbang Studio, 2018

250p.

9789671595107

\$ 17.00 / PB

304gm.

Travelog di sempadan asing. Pengembalaan gadis genit ke Madagascar, Reunion Island dan Mauritius.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370539>

Travelog Haji Hadi / Mohamed Hadi AH (Ed) Mohd Hafizul Hilmi
Nilai, Negeri Sembilan: Ilham Books, 2018
vi, 198p.
9789672007166

1. Muslim pilgrims and pilgrimages – Anecdotes
2. Travel writing – Anecdots
3. Travelers' writing, Malaysian

\$ 15.00 / PB

192gm.

Ramai daripada kita mengelak untuk berbicara soal ibadat haji dan kisah suka duka di sebalik pejalannya. Ini menyebabkan cerita sebenar tidak disampaikan dengan sempurna. Bukannya bermaksud kita perlu melondegkan aib atau kelemahan mana-mana pihak, tetapi kecenderungan untuk berdiam diri itu timbul kerana ada jemaah haji yang menganggap apa sahaja kejadian atau perkara yang mungkin dianggap ‘kurang elok’ (ujian, cabaran, halangan, kesusahan) sepanjang melaksanakan ibadat haji tidak patut diungkit dan dikongsi, kerana ini hanya akan menjelaskan ‘kemabururan’ haji mereka. Melalui naskhah ini, penulis cuba membuktikan bahawa pemahaman ini tidak tepat. Malah, usaha penambahbaikan sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa, sama ada oleh pihak Tabung Haji atau kerajaan Arab Saudi agar perjalanan ibadat haji yang dihadapi oleh para jemaah haji semakin dipermudahkan. Penulis juga cuba membawa pembaca untuk menilai semula pandangan umum masyarakat bahawa ibadat haji perlu ditangguhkan sehingga mencapai usia ‘pencen’, sedangkan ibadat ini harus diisi dengan rukun-rukun yang memerlukan upaya fizikal dan ketahanan mental yang tinggi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370540>

4 Bulan Di Amerika, Jilid 1 / Buya Hamka
Kuala Lumpur: Jejak Tarbiah Resources, 2017
196p.
9789671476444

1. Hamka, 1908-1981 – Travel – America
2. Travelers' writings
3. America – Description and travel

\$ 14.00 / PB
226gm.

Hanya 4 bulan Hamka di negeri Dollar ini. Tidaklah seimbang kesempatan yang diberikan kepadanya dengan banyaknya hal-hal yang harus ditinjaunya. Hampir semua kota-kota besar yang kenamaan sudah dijalannya. Berbagai universiti, gereja dan taman yang indah diziarahnya. Diperhatikannya perkembangan agama satu demi satu di Dunia Baru itu. Sehingga tiba saatnya beliau berjumpa sendiri dengan orang yang memdakwakan dirinya menjadi TUHAN.

Dilihatnya dari dekat betapa orang memprodusir film di Hollywood dan bagaimana hakekat hidup bintang-bintang film itu pada umumnya. Dan sebagai salah seorang guru dari Corps Pendidikan Rohani dalam Angkatan Perang Republik Indonesia (RI), hati Hamka pun tertarik berkunjung ke West Point, tempat pendidikan cadet-cadet militer U.S.A.

Di Museum Nasional di Chicago tampaknya Hamka agak lama tertegun di sana, di ruang yang memamerkan hasil budaya dan seni “alam Minangkabau” Soal Negro yang sampai sekarang belum lagi beroleh penyelesaiannya di Amerika Serikat itu, tidak luput dari pandangan Hamka yang dinukilkannya dalam satu bab khusus.

Dan bila Hamka sejenak dapat bertemu pada satu keluarga dari Dunia Baru yang moden itu, maka berkatalah ia: “Bila saya menjadi tetamu di dalam keluarga Echols, bertemulah saya bukti, bahwasanya kemanusiaan di dunia ini adalahsatu dan budi baik pun satu.”

<http://www.marymartin.com/web?pid=370541>

4 Bulan Di Amerika, Jilid 2 / Buya Hamka
Kuala Lumpur: Jejak Tarbiah Resources, 2017
216p.
9789671476451

1. Hamka, 1908-1981 – Travel – America
2. Travelers' writings
3. America – Description and travel

\$ 14.00 / PB

246gm.

Kata Hamka, beliau pergi ke negeri Arab khusunya Melah dan Madinah untuk mencari sumber kekuatan jiwa, ke Amerika pula mencari sumber kekuatan akal. "Benua sebesar itu, Negara sebesar dan seluas itu, mempunyai hal-hal yang patut dipelajari darinribuan segi. Sedang masanya hanya empat bulan. Alangkah sedikit! Sebab itu tidak ada jalan lain bagi saya, hanya membatasi apa yang akan saya pelajari itu. Jangan banyak-banyak! Supaya jangan kecewa nantinya. Maka saya simpulkanlah maksud perjalanan itu kepada tiga perkara sahaja. Itu pun sudah banyak.

1. Bagaimanakah besarnya kemungkinan manusia kepada hidup beragama, dipangkal kedua dari abad kedua puluh ini? Dan apakah peranan yang akan diambil Islam dalam hal itu?
2. Dimanakah letak tanah airku Indonesia dalam pergaulan bangsa-bangsa? Dan apakah tugasnya dalam mebina dunia baru?
3. Siapakah sebenarnya AKU ini? Dimana sebenarnya tempatku berdiri? Apakah tugasku dalam hidup?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370542>

Di Tepi Sungai Dajlah : Kembara ke Kota Baghdad, Iraq / Hamka (Ed) Ainul

Zakirah Abdul Rahim

Kajang, Selangor: Jejak Tarbiah Publication, 2018

196p.

9789671476499

1. Hamka, – 1908-1981 – Travel -Iraq
2. Travelers' writings
3. Travel writing
4. Iraq – Description and travel

\$ 15.00 / PB

228gm.

Dan sekarang, terkumpullah ingatanku ke tanah yang akan kusinggahi. Tanah Iraq dan ibu kotanya Baghdad. Maka terkenanglah saya akan riwayat-riwayat yang telah lama dibaca dalam buku. Baik buku-buku waktu masa kemegahan Islam, atau buku-buku hikayat 1001 Malam yang terkenal dan masyhur itu.

Teringatlah bahwasanya sejak zaman purbakala, tanah Iraq, iaitu hujung sebelah utara dari Jazirah Arab, di tepi sungai-sungai Dajlah dan Furat, adalah negeri yang telah melalui riwayat beribu-ribu tahun.

Di sanalah dahulu kalanya berdiri kerajaan Babylonia. Dan di negeri Babylonia itulah meninggal Iskandar Masedonia ketika dia hendak pulang kembali ke Yunani, sesudah menaklukkan tanah Parsi dan sebahagian dari tanah India. Iaitu 3 abad sebelum Al-Masih dilahirkan.

Buku ini merupakan kisah pengembalaan Buya Hamka ke Kota Baghdad, Iraq pada tahun 1950. Pernah diterbitkan kali pertama pada 1952 oleh penerbitan GAPURA N.V. Jakarta. Terbitan pertama 2018 oleh Jejak Tarbiah dengan izin hakcipta pewaris Hamka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370453>

Semusim Di Syurga / Hamka Kereta Mayat
Shah Alam, Selangor: Write & Brave, 2018
240p.
9789671231456
\$ 12.50 / PB
262gm.

Buku ini merupakan catatan diari pahit manis liku-liku kehidupan seorang pemandu kereta mayat yang ada unsur ala-ala politik tanah air. Melibatkan lokasi parking kereta mayat di sebuah surau yang penuh dengan suka-duka bersama ahli jemaah bermula dari Awal Muharam sehingga ke penghujung musim Haji.

Dengan catatan diari bermula diari 1 Muharam sehingga ke 30 Zulhijah mengikut kalendar Islam, maka lengkaplah buku ini dengan tema 'semusim' di syurga. Tapi macam tak logik, seorang pemandu kereta mayat mempunyai diari? Namun pada zaman semua orang boleh ada blog atau Facebook, maka tidaklah pelik jika pemandu kereta mayat pun mempunyai akaun Goodreads.

Woha!

<http://www.marymartin.com/web?pid=370544>

AntiThesis : Aku Non Conformist, Maka Aku Ada / Benz Ali
Bangi, Selangor: DuBook Press Sdn Bhd, 2014
232p.
9789670723075
\$ 12.00 / PB
220gm.

Orang tu, mengkritik isu, mengkritik masalah,
lawanlah isu itu, lawanlah apa yang dilontarkan itu.
Pandangan lawan pandangan.

Tulisan lawan tulisan.

Itu sahaja.

Tak perlu nak ugut pukul ke apa.

Kalau kita kaya, kita membuli miskin.

Kalau kita berilmu, kita membuli yang bodoh.

Kalau kita benar, kita membuli yang salah.

Kalau kita majoriti, kita membuli minoriti.

Kalau kita dominan, kita membuli non dominan.

Kalau kita menang, kita membuli yang kalah.....

Aku rasa sedih sangat bila aku terbuat.

Manusia tidak pernah nampak najis di mukanya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370545>

Aku Seorang Patriot / Aenid Abdullah
Ampang: Patriots Publication, 2017
184p.
9789671539415
\$ 12.50 / PB
182gm.

Himpunan kisah-kisah veteran negara ketika operasi. Buku ini mengambil sudut snake's eye view di dalam menangkap emosi, jerih-perih dan getir siap anggota keselamatan negara dalam menjalankan operasi. ASP berkongsi pengalaman mereka yang pernah berada di lapangan, serta nama-nama perwira-perwira negara yang telah berkorban nyawa di dalam memastikan keselamatan tanah air kita.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370546>

Jalang Indie Rock / Mohd Jayzuan
Shah Alam, Selangor: Rabak-Lit (Write & Brave Sdn Bhd), 2018
164p.
9789671597224
\$ 12.50 / PB
184gm.

Mohd Jayzuan mendokumentasikan secara terperinci mengenai penglibatannya dalam scene muzik underground, berkolektif, counter culture, sastera, segala hal bikin arts dan youth culture. Tentang karier, cinta terbarai, impian dan manis masam perjalanan seorang budak kampong Simpang Pulai dalam merayakan hidup. Rahsia-rahsia gelap didedahkan dan 'Jalang Indie Rock' adalah buku tentang pengakuan-pengakuan yang tak pernah dikhalayakkan. Raw, jelas dan tiada berselindung. Perempuan, dadah dan rock n' roll.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370547>

Enam Angka Menjelang Dua Puluh Lima / Azraei Muhamad
Shah Alam, Selangor: Write & Brave, 2018
223p.
9789670774282
\$ 14.00 / PB
246gm.

Untuk budak-budak baru masuk universiti dan teruja dapat duit PTPTN. Untuk budak yang baru masuk kerja dan mengidamkan beli Lancer EVO walaupun gaji masih layak terima BR1M. Untuk yang tengah garu kepala nak cari duit buat kahwin. Untuk yang merungut rumah harga mahal nokhorom dan marah kerajaan tak buat apa-apa. Dan untuk pada (bakal) ibu bapa yang tak puas hati kenapa ibu bapanya dahulu tidak buat simpanan juta-juta masa dia kecil dahulu. Kau nak terus merungut? Atau kau nak mula ambil tindakan dan ubah masa depan? Your future, starts with you today.

“What you eat today, decides your weight tomorrow.”

Ya, ini buku yang paling membosankan kau akan beli.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370548>

Terima Kasih Cikgu! / Ummu Ahmadain (et al.)
Kuala Lumpur: Buku Loncatan, 2018
136p.
9789671590416
\$ 12.50 / PB
138gm.

Hasil tulisan 6 orang guru.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370549>

Selamat Pagi Cikgu ! / Nurul Safinah Osman (et al.)
Kuala Lumpur: Buku Loncatan, 2018
136p.
9789671590409
\$ 12.50 / PB
138gm.

Hasil tulisan 6 orang guru.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370550>

120 Wayang Melayu / Amir Muhammad (Translator) Nour Rifaiyyah

Bangi, Selangor: DuBook Press Sdn Bhd., 2018

420p.

9789672908191

1. Motion pictures – Malaysia – History
2. Motion pictures – History – 20th century
3. Motion pictures and history

\$ 15.00 / PB

300gm.

120 Wayang Melayu adalah kembara melalui filem-filem yang dibuat di Singapura dan kemudian di Kuala Lumpur dari tahun 1948 hingga 1973 (120 mewakili kira-kira satu pertiga daripada semua filem Melayu dalam tempoh tersebut, dan buku ini menampilkan kebanyakan tajuk ternama dan juga beberapa permata yang tidak dikenali). Penulis dan pembikin filem Malaysia, Amir Muhammad, menontonnya dalam aturan kronologi dan merungkai jalan cerita dalam konteks kontemporarinya sendiri. Bagaimanakah dunia yang digambarkan dalam filem-filem ini berbeza daripada yang kita diam sekarang? Buku ini adalah soal siasat serio-komik tentang bagaimana fantasi ikonik masa lalu mungkin mempunyai kesan yang tidak dijangka pada masa kini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370551>

Kumpulan Cerpen Tanah Air Api dan Angin / Malim Ghozali PK (Edisi khas sempena perasmian Kampung Karyawan Malim – 300 naskhah saja)

Kuala Lumpur: Seladang Ventures Sdn Bhd, 2017

Edisi Khas

xii, 724p.

9789671483312

1. Short stories, Malay
2. Malaysia fiction (Malay)

\$ 50.00 / HB

1410gm.

Bermula dengan cerpen "Tuan Do" yang tersiar pada Januari 1984 di majalah Dewan Sastera sehingga cerpen "Cerita Sara Leong" yang tersiar pada Oktober 2016 di majalah Dewan Siswa, kumpulan ini "Tanah, Air, Api Dan Angin", merentasi tiga dekad. Ia menghimpunkan sebanyak tujuh puluh buah cerpen. Lima belas buah cerpen ditulis di luar negara. Tidak hairanlah nuansa diapora nampak jelas dalam cerpen-cerpen tersebut. Yang turut ketara ialah kepekaan pengarang terhadap alam keliling dan persekitarannya - manusia, flora dan fauna, hutan dan rimba, orang kota dan orang asal.

Malim mengungkapkan kehidupan manusia dan berjaya mengimbau rasa dan resa, suka dan duka, rindu, cinta pertama atau perpisahan dengan cukup berkesan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370552>

Perjalanan Malam : Kumpulan Cerpen Pilihan Taiwan-Malaysia / (Ed) Chong Fah Hing & Tee Kim Tong

Kuala Lumpur/Taiwan: Empress Culture Sdn Bhd & National Museum of Taiwan Literature, 2017

356p.

9789672086024

1. Short stories, Chinese-Malaysia
2. Short stories, Chinese-Taiwan

\$ 22.50 / PB

558gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370553>

Kumpulan Cerpen : Cerita Dialog Fauna Sempena Festival Penulis / Jasni Matlani
Kota Kinabalu, Sabah: Iris Publishing & Distributors, 2018

xiii, 626p.

9789833356720

1. Short story - Authorship
2. Short Story – Creative writing
3. Judul

\$ 40.00/ HB

918gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370554>

Kumpulan Cerpen Remaja Awal ; Kalau Abah Dapat Gaji / Nurimas SN (Ed)
Khadijah Aminah Md Yusoff

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018

xii, 100p.

9789674607326

1. Short stories, Malay
2. Malay fiction

\$ 10.00/ PB

154gm.

Kumpulan Cerpen Remaja Awal: Kalau Abah Dapat Gaji ini memuatkan pelbagai tema yang amat dekat dengan kehidupan dan citra anak-anak kontemporari. Kemelut persahabatan, pengorbanan, perpaduan, patriotik dan sebagainya, dimuatkan sarat dengan nilai-nilai murni dan positif yang dapat memangkinkan kendiri pembaca sasaran. Paparan kisah bukan sahaja berkisar kepada figura semasa, malah latar lama yang masih malar segar seperti hobi dan kehidupan di desa. Gaya penulisan mudah dan tata susun cerita telah ditangani sebegitu kemas untuk menjadikannya naskhah wajib baca buat remaja kini. "Sudah banyak kali abah janji, kalau abah dapat gaji abah akan beli basikal untuk nana. Masuk bulan ini sudah empat bulan abah janji. Dulu abah kata kalau dapat nombor satu hingga tiga, abah akan belikan basikal. Nana dapat nombor dua. Cukup bulan abah kata terpaksa bayar hutang kerusi meja.."

<http://www.marymartin.com/web?pid=370555>

Kumpulan Cerpen : Dan Aku Mengerti Juga / Nazel Hashim Mohamad

Kangar, Perlis: Penerbit UniMAP, 2018

xiv, 310p.

9789670922607

1. Short stories, Malay

2. Malay ficiton

\$ 22.00 / PB

370gm.

Kumpulan Cerpen: Dan Aku Mengerti Juga merupakan himpunan 29 buah cerpen yang ditulis pada tahun 1981 hingga tahun 1992 yang pernah diterbitkan di dalam beberapa buah kumpulan cerpen pada tahun-tahun '80an dan '90an. Cerpen-cerpen ini berlatarkan suasana kehidupan masyarakat pada zaman suku akhir abad ke-20. Ia menyentuh isu sikap manusia dan keagamaan dalam kehidupan sehari-hari. Cerpen-cerpen yang diketengahkan dalam buku ini ditulis berdasarkan pengalaman dan pemerhatian peribadi pengarang sewaktu beliau berkecimpung di dalam dunia pendidikan, di samping sebagai orang kampung dan pemerhati masyarakat. Kisah-kisah yang dituliskan sesungguhnya ada kelainan dengan cerpen yang ada pada hari ini. Penggunaan ayat, pemilihan kata dan pengolahannya jelas memperlihatkan gayanya yang santai dan tersendiri sifatnya berbanding dengan penulis-penulis lain. Membaca cerpen dalam Kumpulan Cerpen: Dan Aku Mengerti Juga ini akan menimbulkan rentetan persoalan kepada pembaca dan mengajak pembaca kembali kepada manusiawinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370556>

Stesen Kosmik / Sang Gabriel

Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018

76p.

9789672076049

\$ 5.00 / PB

98gm.

Atmosfera tiba-tiba berubah kemudiannya. Helaian langsin bergerak-gerak, lalu angin tanpa asal usul menderu masuk, berpusar dengan deras. Poster-poster si dinding ada yang tertanggal dari tempatnya. Kipas siling terhayun kuat. Pintu gerobok yang longgar terbuka-katup sendiri. Tong sampah tumbang. Isinya berserakan di udara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370557>

Masyarakat TV / Sue Emoqwin
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018
74p.
9789671381359
\$ 5.00 / PB
96gm.

Himpunan cerita pendek dari ilusi, imaginasi dan realiti yang ditampilkan dalam pelbagai bentuk - dari cerita sependek duamuka surat sehingga yang panjang sehingga 11 muka surat. Ada 19 certot (cerita konton) dan cerita pendek yang ditawarkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370558>

Bunyi Paling Melankolik Dunia / Lucy M
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018
72p.
9789672076032
\$ 5.00 / PB
92gm.

Himpunan cerita pendek oleh penulis dari Tawau, Sabah. Lucy M menulis antaranya perihal cinta, korupsi, kultus, eksistensi, memori, kelangsungan hidup, manipulasi dan pelbagai hal manusiawi yang dimainkan oleh watak-watak yang broken, nakal dan pemikir.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370559>

Bermalam dengan Mustika / Syikin Zauzi
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018
66p.
9789672076056
\$ 5.00 / PB

Zine Himpunan Cerita Pendek.

Kau sendiri tak tahu mengapa tiba-tiba kau rasa gelisah macam padahal setakat perihal beromen seperti ini sudah menjadi makanan harian kau. Kau tiba-tiba rasa gugup apabila mengetahui dalam 10 minit lagi isteri yang kau sudah nikahi pagi tadi akan masuk dengan wajah yang bersih dan suci menantikan kau debukan dengan habuk-habuk dosa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370560>

Kata Kata Mama / Regina Ibrahim
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018

84p.
9789672076032???

\$ 8.00 / PB

108gm.

Himpunan yang mengandungi prosa, sajak, pantun, artikel pendek, serta cerpen.
<http://www.marymartin.com/web?pid=370561>

Kaca Mencari Ikan / Noraliff Awan
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018

68p.
9789671381342
\$ 5.00 / PB

86gm.

Himpunan Puisi & Cerita Pendek
<http://www.marymartin.com/web?pid=370562>

Kumpulan Cerpen: 20 Cerita Tentang Tuhan / S.M. Zakir (Ed) Ahmad Zamani Ishak

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xii, 247p.

9789674605674
1. Short stories, Malay

\$ 15.00 / PB

256gm.

Sastera sering menemukan jalan lain daripada jalan yang diikuti umum. Ketika umum menemukan sejarah, sastera menemukan fiksi-fiksi di sebalik sejarah. Ketika umum menemukan sains, sastera menemukan tanda-tanda di sebalik sains. Ketika umum menemui budaya, sastera menemukan falsafah di sebalik budaya. Dan ketika umum menemukan bahasa, sastera menemukan sistem pemikiran di sebalik bahasa. Malah di sebalik agama, sastera menemukan titik-titik keyakinan untuk memegang kepercayaan dengan lebih jitu. 20 Cerita Tentang Tuhan menghimpunkan cerpen yang cuba menemukan jalan lain daripada sejarah, sains, budaya, dan bahasa daripada jalan yang diikuti umum. Kebulatan daripada segalanya - ia menimbul-terangkan titik-titik dalam diri manusia tentang agama dan Tuhan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370563>

Kumpulan Cerpen : Song of September / Malim Ghozali PK (Ed) Mohd Rozlan Mohamed Noor

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
x, 246p.

9789674605445

1. Short stories, Malay

\$ 12.50 / PB

278gm.

Kumpulan Cerpen: Song of September mempamerkan 20 buah cerpen yang meliputi pelbagai subjek dan watak. Sama ada Malim menggambarkan orang biasa, yang di pinggiran dan yang terasing - pelaut, tukang kasut, yang kurang siuman, hingga kepada menteri, raja atau guru agama, kecenderungan ke arah kemanusiaan sejagat amat ketara. Malim mencantumkan perca-perca daripada celah-celah kehidupan manusia - sama ada mereka profesor atau pegawai daerah, gelandangan atau komuniti LGBT, kesemuanya memancarkan pengalaman-pengalaman sebagai peringatan kepada generasi masa kini, terutama sekali isu-isu yang menampilkan warna-warna di koridor sejarah. Sungguhpun beberapa buah cerpen dalam kumpulan ini bersifat eksperimental, seperti "Ø" dan "Kamar X", namun semuanya adalah eksperimen dari segi bahan dan bukan struktur.

Malim bukan seorang pengarang di kerusi malas. Beliau meneroka lapangan untuk menyaksikan apa yang dicarinya - kisah-kisah yang memperagakan keratan renta kehidupan - pekebun, pengembara, cinta dan perhubungan yang tidak terhuraikan. Hasilnya, Malim berkelana ke penjuru dunia, dan lahirlah cerpen-cerpen seperti "Aku di Sini, Sayang", "_l_", "Tika Hujan di Bogor", "Di Kantor Suryadi", "Nyet" dan "Song of September".

Malim juga menjenguk ke dalam dunia neurosis, yang jarang disentuh oleh penulis fiksyen lain, seperti dalam "Kamar X" dan "Pelabuhan".

Sesungguhnya, cerpen-cerpen dalam kumpulan ini menawarkan jendela ke dalam kekuatan estetik alam fiksyen Malim.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370564>

Kumpulan Cerpen : Pop Urban / Zainal Rashid Ahmad (Ed) Zulkifli Jamaasin

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017

x, 230p.

9789674605797

1. Short stories, Malay

\$ 12.50 / PB

258gm.

Kota memang mencipta fiksyennya yang tersendiri, apa lagi pada era budaya pop dengan elemen hips yang menjadikan koloni urban hidup dalam lingkaran rutin yang lebih mitos daripada segala mitos, malah lebih magis dan lebih misteri juga.

Kumpulan Cerpen Pop Urban ialah mata fiksyen yang melihat rutin kota melalui simbol-simbol klasik dan kuno, tetapi sangat relevan dan merutin dalam imej koloni urban yang sensasi dan happening.

Kumpulan cerpen dengan 18 cerita pendek yang berelemen klasik, mitos, misteri, dan magis ini sengaja difiksyenkan sebagai subjek yang prominan dalam budaya pop dan hips, malah relevan urban.

Imej ikan paus, harimau saka, broker antimaut, monyet lagenda, barua politik, kesunyian kota kara, dan obsesnya para syaitan yang menjelma sebagai manusia mengisi fiksyen berlatarkan urban dengan topik yang real.

Kumpulan Cerpen Pop Urban menjadikan segala-gala yang klasik, mitos, mistik, dan magis sebagai rutin normal - sangat normal bagi koloni urban.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370565>

Kumpulan Cerpen Kembara : Minum Kopi di Boigeet House / Suratman
Markasan (Ed) Rozlan Mohd Noor

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xii, 190p.

9789674605339

1. Short stories, Malay

\$ 12.50 / PB

200gm.

Minum Kopi Di Boigeet House ialah sebuah kumpulan cerpen kembara yang berilham daripada mutiara fikir dan kecaknaan penulis berpengalaman, Suratman Markasan. Himpunan 15 buah cerpen yang diadun sempurna ini mengajak khalayak pembaca meneroka wilayah fikir yang dalam dan jauh di samping sama-sama merasakan denyut latar yang pelbagai melangkaui diaspora Melayu dan seterusnya seantero dunia. Setiap catatan yang berhasil melalui pengamatan, penyeluruhan, serta pemerhatian penulis terhadap alam dan manusia yang melingkarinya - dijanakan oleh kreativiti dan imaginasi - menjadikan cerpen-cerpen dalam kumpulan ini berupaya untuk meninggalkan kesan taakulan yang mendalam kepada pembaca. Keseluruhan cerpen termuat dalam kumpulan cerpen ini menenun gambaran golongan yang tertindas, terzalimi, atau teraniaya dan terus-menerus menerima musibah. Kisah-kisah ini diandaikan oleh pengarang sendiri sebagai manik-manik kehidupan yang dirangkaikan menjadi kalung kata sebuah kehidupan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370566>

Kumpulan Cerpen : Mengepak Sayap / Sharifah Umamah Al-Edrus (Ed) Ahmad Zamani Ishak

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
x, 430p.

9789674605629

1. Short stories, Malay

\$ 18.00 / PB

418gm.

Cerpen "Mengepak Sayap" yang diangkat menjadi judul kumpulan cerpen ini mengisahkan seorang prempuan yang disahkan mengidap barah payudara. Pada peringkat awalnya, dia sukar untuk menerima hakikat yang dia telah disahkan mengidap kanser ini. Apatah lagi, dia berkerjaya sebagai seorang perunding kecantikan yang mementingkan penampilan diri.

Apabila mengidap kanser payudara, kecantikan diri yang selama ini dititikberatkan telah hilang begitu sahaja. Akibat kemoterapi, kepalanya terpaksa dicukur. Bentuk badannya juga turut mengalami perubahan secara mendadak. Dia mengalami tekanan yang sangat teruk. Dia merasakan yang dirinya akan dijemput maut pada bila-bila masa sahaja.

Namun begitu, akhirnya dia sedar akan kekuasaan Tuhan. Dia kembali merapatkan dirinya dengan Tuhan. Akhirnya dia menemukan ketenangan dan dapat menerima cabaran yang sedang dihadapinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370567>

Kumpulan Cerpen : Tersimpan Begitu Lama / Rahman Shaari (Ed) Rozlan Mohamed Noor

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xii, 176p.

9789674607586

1. Short stories, Malay

\$ 12.50 / PB

200gm.

Penelitian rapi terhadap setiap karya dalam buku ini akan menemukan persoalan dan perwatakan yang realistik, iaitu yang terasa ada di sekitar kita semua. Pembaca tentu pernah mendengar kisah penipuan, misalnya seorang menjual batu hikmat, yang kononnya dapat membantu orang memperoleh pekerjaan, atau menumbuhkan rasa suka atau benci. Kisah penipuan adalah pelbagai, misalnya pembaca tentu yang pernah mendengar kisah kontraktor membina rumah, dan rumah itu tidak siap, tetapi upah keseluruhan sudah diambil. Kisah baki hutang yang enggan membayar hutang, dan kisah perkahwinan rahsia, amat biasa dipercakapkan, tetapi belum pernah ditulis dalam bentuk cerpen yang berkesan. Seterusnya, pembaca tentu pernah mendengar perihal helah atau taktik ahli politik bagi mendapatkan kedudukan, atau mempertahankan kedudukan. Rahman Shaari yang berpengalaman berkarya selama puluhan tahun mengemukakan cerpen dengan gaya dan teknik tersendiri. Judul "Tersimpan Begitu Lama" diangkat daripada judul sebuah cerpen dalam buku ini, dan judul itu juga membawa makna bahawa isi dan seni karya-karya ini tersimpan begitu lama sebelum terbit di dalam buku.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370568>

Antologi Cerpen Penerima Anugerah S.E.A. Write Malaysia-Thailand /
(Organised) Syed Mohd Zakir

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xxvi, 398p.

9789674607494

1. Short stories, Malay

\$ 18.00 / PB

414gm.

Penerbitan Antologi Cerpen Penerima Anugerah S.E.A. Write Malaysia-Thailand ini adalah antara usaha yang diikhtiarkan oleh ITBM dan dana Kanokphong Songsomphan untuk mengeratkan hubungan dua negara berjiran – Malaysia dan Thailand - melalui sastera. Dalam konteks ini, 14 buah karya cerpen daripada 14 orang penulis yang pernah menerima S.E.A Write Award daripada kedua-dua buah negara (tujuh orang daripada setiap negara) telah dipilih. Masing-masing karya menggarapkan isu yang berbeza tetapi mempunyai aroma serantau yang apabila dihalusi akan menjumpai satu titik temu kerana kesenian yang baik selalu tepu dengan maksud yang lebih baik daripada rupa bentuk fizikalnya. Hasil perkongsian melalui budaya dan sastera ini memungkinkan dua bangsa serantau, yang pernah dipecahbelahkan oleh bangsa penjajah suatu ketika dahulu, kembali meninjau asal usul masing-masing lalu mengembalikan kesefahaman yang sebenar-benarnya.

Untuk tujuan menyebarluaskan pembacaan serta untuk merealisasikan matlamat penerbitannya supaya biar betul-betul sampai kepada khalayak pembaca, antologi ini diterbitkan dalam dua versi – bahasa Melayu (diterbitkan oleh ITBM) dan bahasa Thai (diterbitkan oleh dana Kanokphong Songsomphan). Para cerpenis penerima S.E.A. Write Award dari Thailand yang karyanya dimuatkan dalam antologi ini ialah Sila Komchai, Phaitoon Thanya, Vachara Sajasarin, Rewat Phanpipat, Prabda Yoon, Jadet Khamjorndej dan Dan-Aran Saengthong manakala para cerpenis penerima S.E.A. Write Award dari Malaysia pula terdiri daripada Jong Chian Lain, S.M. Zakir, Siti Zainon, Anwar Ridhwan, Azizi Haji Abdullah, Zaen Kasturi dan Azmah Nordin.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370569>

Kumpulan Cerpen : Nuh, Si Tukang Kayu dan Sebuah Perahu / Salman Sulaiman
(Ed) Zalila Isa

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xvi, 160p.

9789674605667

1. Short stories, Malay

\$ 12.50 / PB

176gm.

"Kenapa 23 orang?" Nuh cekap memberitahu, "Aku, kamu, si tukang kayu, Hud, Soleh dan Sembilan pasang manusia yang berkemahiran serta berpengetahuan dalam pelbagai bidang."

Kumpulan Cerpen: Nuh, Si Tukang Kayu & Sebuah Perahu ini adalah pelayaran fasa awalnya. Karyanya seolah-olah dibentuk dengan gaya bercerita lisan yang mempunyai tradisi sejarahnya yang panjang di Kelantan. Ia banyak memuatkan cerita yang berunsur keagamaan (Islam) yang menjadi nadi kehidupan masyarakatnya. Gaya bahasanya seperti menyalin percakapan penduduknya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370570>

Kumpulan Cerpen : Gila Tak Gila / Osman Ayob (Ed) Enche Abdullah Abdul Kadir
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017

x, 102p.

9789674605476

1. Short stories, Malay

\$ 10.00 / PB

128gm.

Kumpulan Cerpen: Gila Tak Gila mengandungi 11 buah cerpen kisah kehidupan yang diilhamkan penulis daripada pengamatannya yang mendalam terhadap apa-apa yang berlaku di dalam dan juga luar negara. Kumpulan cerpen ini memperlihatkan kepekaan Osman Ayob terhadap apa-apa yang berlaku di sekitarnya. Peristiwa yang berlaku berbekas di mindanya dan melalui beberapa tahap pemeraman ia diolah menjadi cerpen yang lengkap dengan pemikiran dan mesej untuk disampaikan kepada pembaca. Cerpen "Gila Tak Gila" menggarap persoalan orang tua; Tuk Non dengan kegilaannya menyindir tingkah laku manusia yang ditemuinya di mana-mana sahaja. Sambil meminta sedekah, Tuk Non mengambil peluang dengan fiil kurang siumannya mengkritik perilaku manusia, terutama dalam kalangan wanita yang baginya terdedah kepada kemodenan songsang dengan cara berpakaian yang mencolok mata.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370571>

Kumpulan Cerpen : Dalam Dakapan New York / Hafizah Iszahanid
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2016
ix, 184p.
9789670869230
1. Short stories, Malay
\$ 10.00 / PB
164gm.

"Seni bukan untuk ruang yang penuh duka, pertempuran, dan darah. Seni adalah makanan mewah yang dinikmati waktu santai walau dicanai sang pengkarya yang penuh beban dalam dada."

-Abbas-

<http://www.marymartin.com/web?pid=370572>

Konfesi : Kumpulan Cerpen dan Puisi / Solehudin Thehu (et al.)
Puchong: Buku Garaj, 2017
246p.
9789671481301

1. Short stories, Malay
2. Confession stories
3. Fiction
\$ 18.00 / PB
178gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370573>

Kumpulan Cerpen : Meliuknya Api Pelita Itu / Lokman Hakim (Ed) Hafiz Latiff
Bangi, Selangor: Legasi Oakheart, 2018
178p.

9789671583302
1. Short stories, Malay
2. Malay fiction
\$ 12.50 / PB
116gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370574>

Lelaki Yang Kehilangan Bayang-Bayang / Sederhanaindah
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018

62p.
9789671381373
\$ 5.00 / PB
82gm.

Lelaki Yang Kehilangan Bayang-Bayangmengandungi 49 puisi yang bertemakan cinta dan perjalanan perasaan seorang insan dan juga seorang sahabat tulisan Sederhanaindah. Ada puisinya yang membicarakan persoalan-persoalan yang selalu dibiar tergantung. Ada yang bercerita tentang hal yang sudah berlalu dan sedang sukar dilupakan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370575>

Dahagi / Ali Hanfiah & Manusia Magis / Akmal Arsyad (Duo Cover)
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018

32p. ; 32p.
9789672076025
\$ 6.00 / PB
100gm.

Zine duo himpunan Puisi/Prosa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370576>

Mimpi-Mimpi Nomad / Ashikin M
Kuala Lumpur: Penerbitan Langit, 2018
132p.
Malay & English Text
9789672076124
\$ 10.00 / PB
94gm.

"A rolling stone gathers no moss; a proverb for people who are always moving, with no roots in one place or another; people who avoid attachments.

----Is that what you mean?

Because if it is, I don't think I have been one. I always remember my roots and I am always responsible for something I believe in." Dia memandangku, sekali lagi tersenyum; lebih lebar kali ini dan satu-satunya perkara yang menyelesakan ruang yang terasa asing padaku.

Dia memandang koyakan seluar di lututku sekali lagi dan mengangguk ketawa sebelum membetulkan kemeja birunya yang berkeromot. Sekali lagi pandangannya seolah olah cuba membaca perwatakanku dan aku biarkan dia dalam pemikirannya, sebelum aku membalas:

"Good. Because I am one.

I'm a rolling stone.

If we are similar; it would a bit hard for me but since we are in an entirely different world--it's a done deal. I will write about you in 30 chapters and a chapter will cost you around 100 bucks.

No negotiation and once we are done, we stop seeing each other."

<http://www.marymartin.com/web?pid=370577>

Chiling : Puisi/Prosa/Potret Untuk Di Warna / Nadia Khan
Shah Alam, Selangor: Peautzin, 2018
144p.
9789671361580
1. Malay poetry
2. Sajak
\$ 10.00 / PB
180gm.

Kumpulan puisi yang boleh diwarna oleh Nadia Khan. Chiling itu bukan salah eja.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370578>

Kumpulan Puisi : Pentas Topeng-Topeng / Solihin Osman (Ed) Rozlan Mohamed Noor

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xii, 126p.

9789674606763

1. Malay poetry
2. Sajak

\$ 10.00 / PB

156gm.

Kumpulan Puisi: Pentas Topeng-Topeng ialah koleksi sajak yang merimbun dari kotak batini dan mata insani penyair Solihin Osman. Dari lajur hati dan fikrah diri sang penyair maka lahir sajak yang mengupas tentang adanya antara kita yang hipokrasi. Sajak tentang mereka yang menzalimi diri sendiri sehingga terlupakan alam abadi. Sajak kepada manusia yang berpihak kepada duniawi seluruhnya. Sajak untuk kembali menjadi insani yang tuntas, hakiki, dan Nirmala.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370579>

Puisi Kasih Buat Hidayah / Peter Augustine Goh (Ed) Ahmad Zamani Ishak

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
viii, 208p.

9789674605698

1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction

\$ 12.50 / PB

238gm.

Rasa kasih ialah anugerah daripada Tuhan. Limpah kasih Tuhan tidak pernah sirna kepada hamba-hamba-Nya. Hamba-Nya yang tersesat memilih lorong hidup, tidak bererti akan tergelincir ke lurah kehinaan yang paling dalam dan aku terus menjadi penghuni di situ. Yang tersesat tidak pernah terlewat untuk kembali ke pangkal jalan, dan kemudian menyusun langkah-langkah baharu. Cerita masa silam bukannya hakim yang menjatuhkan hukuman yang perlu diakuri sepanjang hayat. Menoleh ke belakang untuk melihat cerita-cerita lalu, lalu mengambilnya sebagai pedoman hidup ialah rahmat daripada Tuhan. Tidak semua anonim yang bertuah kerana dipilih Tuhan untuk melihat sejarah silamnya dan kemudiannya bangkit semula menjadi insan baharu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370580>

Kumpulan Puisi : Sayembara Menari / Zaibiee (Ed) Khadijah Aminah Md Yusoff
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
x, 118p.

9789674605513

1. Malay poetry

2. Sajak

\$ 10.00 / PB

132gm.

"Sayembara menari
bukan pesta muda-mudi
jangan silap mengadili
sesal semusim memakan diri."

Puisi bukanlah kata-kata yang diungkapkan terus maknanya kepada minda kita. Puisi ialah baris kata yang terhasil dan memacu kita untuk berfikir makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Begitu jugalah puisi-puisi yang terkandung dalam Kumpulan Puisi: Sayembara Menari ini. Puisi-puisi yang dihimpun mengikut tema-tema yang ada, memudahkan pembaca untuk memahami erti sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Hayatilah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370581>

Kumpulan Puisi : Perahu kecil dan Pendayung Itu / Shamsul Idzam Jamil (Ed)
Johariz

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xii, 120p.

9789674605865

1. Malay poetry

2. Sajak

\$ 10.00 / PB

150gm.

Mentafsirkan makna kehidupan yang sebenarnya - itulah pegangan penulis tatkala menaakul setiap "sudut kecil" yang sering terlepas daripada pandangan masyarakat dengan hati yang dalam.

Bertitik tolak daripada pemerhatian terhadap manusia dan alam dari sisi yang lain, terhasillah karya yang memperlihatkan kehidupan masyarakat pinggiran serta memahami makna kasih sayang sebenarnya. Kebobrokan yang sebenarnya, dirancang tanpa sedar, sehingga memberi impak dan kesan terhadap sebahagian kehidupan di sisi yang lain. Namun demikian , sifat kemanusiaan tetap wujud dalam perjuangan menempuh kehidupan yang dipinggirkan. Perakaman itulah yang dipaparkan dalam kumpulan puisi ini.

Sejurnya, Kumpulan Puisi: Perahu Kecil dan Pendayung Itu cuba mengangkat isu-isu subaltern (golongan pinggiran) hingga menimbulkan kesan kemanusiaan yang kuat. Isu-isu subaltern ini juga diasosiasikan dengan berkesan melalui imej ibu, wanita tua, dan anak kecil hingga menimbulkan kesedaran dan kesan emosi yang mendalam kepada khalayak pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370582>

Kumpulan Puisi : Naskhah Nuraga / Raihani Mohd. Saaid (Ed) Ainul Muaiyanah
Muhammad Sulaiman

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xiv, 84p.

9789674605322

1. Malay poetry – Collections
2. Sajak – Collections

\$ 10.00 / PB

118gm.

Bukanlah Raihani Mohd Saaid jika puisi-puisinya sepi tanpa watak-watak daripada filem-filem, sejarah silam dan tragedi purba. Watson, Nadim, Tun Hamzah, Hamlet, Macbeth, Brutus, Antonius, dan Bujang Lapok merupakan sebahagian watak masyhur yang diperikan dalam puisi menjadi bidak-bidak dalam menyampaikan buah fikir yang padat.

Naskhah Nuraga, kumpulan puisi ketiganya, bermuat himpunan naskhah untuk berbahagi rasa, menduga arus fikir, menyatakan sikap dan pendirian, menyuguhkan pemikiran dan meraikan kebijaksanaan. Kumpulan puisi ini dekat dengan jiwa anak muda yang pemberontak di tengah-tengah goncangan siasah yang berombak.

"Terlalu ramai antara kita memenangkan orang besar dan kesilapannya terlalu sedikit antara kita membela orang kecil dan kearifannya."

<http://www.marymartin.com/web?pid=370583>

Merentas Lima Dasawarsa : Puisi-puisi Pilihan (1960-2015) / Zam Ismail (Ed)

Zalila Isa

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017

xxxvi, 456p.

9789674605872

1. Malay poetry – 20th century
2. Sajak

\$ 20.00 / PB

502gm.

"... kubina tapak dari debu berterangan,
meski ada namun tidak kelihatan di dalamnya
mengandungi serpihan emas tempawan ..."

Dalam enam segmen mengikut dasawarsa ini, Zam Ismail telah mencatat pengalaman rohaninya, menyatakan idealisme dan sikapnya tentang persekitaran lokal dan global yang tidak menyenangkan hatinya. Menjalani zaman yang rencam itu, Zam Ismail menjadi perakam zaman yang idealis dan moralis.

Zam Ismail melihat ruang puisi sebagai medan untuk memperkatakan kehidupan yang mencabar emosi, taakulan, dan intelektualitinya, termasuklah menanggapi nasib manusia kecil yang bergelut mencari kehidupan. Ini pendirian egalitarian yang dianutinya tanpa putus, yakni mengimpikan keadilan dan kesaksamaan bagi setiap manusia. – Dr.

Dr. Mohamad Saleeh Rahamad,

Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA)

<http://www.marymartin.com/web?pid=370584>

Kumpulan Puisi : Jawapan Kepada Tuhan / Faridah Jaafar

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018

xx, 160p.

9789674607449

1. Malay poetry
2. Sajak

\$ 12.50 / PB

186gm.

Buku ini menghimpunkan 100 buah puisi. Kebanyakan puisi dalam kumpulan ini berkisar tentang kehidupan penulis sendiri dalam mengharungi hidup bersama-sama suaminya yang dikasihi, yang telah disahkan mengidap kanser limfoma tahap empat, dua tahun yang lalu.

Gugah rasa seorang isteri telah dilarik dengan sepenuh jiwanya bagi menggambarkan isi hatinya. Puisi-puisi si isteri ini ditulis dengan tinta yang mengalir dari lubuk jiwa dan rasanya yang paling dalam, untuk suami dan juga zuriatnya. Puisi-puisinya seperti bersifat peribadi, tetapi persoalan-persoalannya dialami oleh kebanyakan orang di sarwa alam ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370585>

Kumpulan Puisi : Riwayat Mangga Makrifat Di Pohon Keramat / Basri Abdillah
(Ed) Ahmad Zamani Ishak

Kumpulan Puisi : Jawapan Kepada Tuhan / Faridah Jaafar

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xviii, 122p.

9789674605612

1. Malay poetry

2. Sajak

\$ 12.50 / PB

186gm.

Puisi-puisi yang terkandung dalam kumpulan ini membawa nafas sufistik. Ia datang dan mengalir bersama-sama pengalaman penulisnya yang sudah lebih 40 tahun berada dalam dunia kesusasteraan dan penulisan, sudah cukup untuk menjelaskan kekuatan sajak-sajak dalam kumpulan ini.

Puisi-puisi dalam kumpulan ini membawa kita untuk mengenal jiwa. Dari situ, kita akan meneroka kehalusan seni dan kejernihan rasa, falsafah yang bersembunyi di sebalik kalimat, keindahan bahasa untuk berwacana, kebenaran, kejujuran, dan yang lebih penting ialah nilai kemanusiaan untuk mengenal Penciptanya.

Bak kata penulisnya, "Puisi ibarat taman bunga, di dalamnya ditumbuhi ribuan pohon bunga yang indah, namun hanya satu bunga yang saya cari, itulah bunga cinta nan agung."

<http://www.marymartin.com/web?pid=370586>

Kumpulan Puisi : Pelabuhan Malam / Mahroso Doloh (Ed) Johariz
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xxv, 122p.

9789674606336

1. Malay poetry

2. Sajak

\$ 10.00 / PB

162gm.

Umum mengetahui karya-karya agung Indonesia kebanyakannya bersifat klasik dengan nada yang sarat oleh unsur nasionalisme dan keberanian serta agama dan kecintaan yang seakan-akan sebatи dalam rencah budaya masyarakatnya. Maka, tidak hairanlah sesiapa sahaja yang mendalami karya-karya agung Indonesia mudah sahaja terdorong untuk mengikut rentak dan budaya kepuisian yang ditinggalkan oleh Hamzah Fansuri, Chairil Anwar, Sapardi Djoko Damono dan sebagainya.

Naskhah karya Mahroso Doloh ini merupakan apresiasi penulis kelahiran Patani ini terhadap tokoh-tokoh tersebut di samping mengangkat tema agama dan kecintaan sebagai suatu keperluan dalam kehidupan dengan berpaksikan keimanan dan ketauhidan.

Puisi-puisi yang terkandung dalam naskhah ini - yang diungkapkan secara sederhana -pastinya dapat menyuntik katarsis diri dan menyedarkan khalayak pembaca tentang asal-muasal cinta yang akhirnya berpulang kepada cinta Yang Maha Khalik.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370587>

Kumpula Puisi : Pemburu Kata Merdu / Abizai (Ed) Johariz
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xiv, 74p.
9789674605858

1. Malay poetry

2. Sajak

\$ 12.50 / PB

106gm.

Puisi-puisi Abizai menjelmadari dalam jiwa dan minda yang sentiasa menginginkan kejernihan rasa dan perenungan bijaksana dalam ungkapan jelita serta kemerduan irama. Kata-kata yang dipilih, disukat, diraut dan dilengkungkan agar puisi menjadi seperti layang-layang - simetri dan seimbang hingga mampu terbang indah dan gagah menyahut cabaran serta tuntutan zaman yang sentiasa berubah.

Menerusi Kumpulan Puisi: Pemburu Kata Merdu ini, ternyata Abizai berjaya membebaskan kata-kata melepas jangkauan sempadan segala agar mampu berjumpa teduh rasa dan jauh makna dengan mengawal kemurnian ucap supaya tidak leka terperangkap, nipis bicara seringen prosa, muluk bicara tetapi menyanggah logika. Di balik setiap ungkapan ada lapisan yang bertindan; yang menuntut renungan dalam tafsiran selain membaca isyarat, kias, dan tanda untuk sampai ke puncak makna.

Aku menulismu
dengan dakwat kiasan
yang tebal berlapisan
umpama sekawan awan
menyembunyikan hujan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370588>

Kumpulan Puisi : Merumahkan Kembara / Shafiq Said (Ed) Ainul Muaiyanah
Muhammad Sulaiman

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xiv, 114p.

9789674603465

1. Malay poetry
2. Sajak

\$ 10.00 / PB

146gm.

Shafiq Said memaknakan lima tahun pengalaman menuntut di Jordan dan pengembalaan sekitar Eropah di dalam kumpulan puisi pertamanya. Dari mahligai Alhambra, ke Granada sehingga ke El Duono di Florence, dia membawa saku pengembara dan membawa pulang pengalaman ke halaman peribadi dan pembaca dalam bentuk puisi. Jalan, objek, bangunan dan insan yang diesrai sepanjang kembara dihidupkan kembali ke dalam kata pilihannya. Puisinya memercik pengalaman syahdu, menggelintar resah, merenda kisah dan memaknakan perjalanan. Shafiq Said membawa pembaca mengembara ke ruang paling gementar, di dalam sukma yang tidak pernah sunyi dengan cinta dan berahnnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370589>

Kumpulan Puisi : Khabar dari Mimbar / Mohd Rosli Bakir (Ed) Zalila Isa

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xiv, 114p.

9789674605728

1. Malay poetry

\$ 10.00 / PB

142gm.

Musim datang dan pergi
meninggalkan lembar-lembar pesanan
untuk pulang ke rumah keseederhanaan.

Sebanyak 74 buah puisi dihimpunkan dalam susunan baris berlantaikan pesanan dan berpakukan nilai buat pembaca yang cinta akan keindahan dalam kehidupan.

Khabar dari Mimbar ialah simbolisme pengetahuan, pemerhatian, dan pengalaman hidup penulis yang juga seorang pendidik yang sebahagian besar hayatnya telah diragakan untuk mendewasakan manusia. Di dadanya ada jiwa luhur yang mengharap agar ada pembaca yang dapat menuai wangian kata-kata dalam bendang yang beragam-ragam persoalan dan pemikiran.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370590>

Kumpulan Puisi : Rajuk Sang Rama-Rama / Lara MN (Ed) Johariz
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xii, 64p.

9789674607517

1. Malay poetry
2. Sajak

\$ 10.00 / PB

88gm.

Apa itu cinta? Cinta itu luas hamparannya. Cinta itu dalam dasarnya. Cinta itu jauh perjalannya. Sesungguhnya, ibu segala hanya milik-nya. Naskhah Kumpulan Puisi: Rajuk Sang Rama-rama ini walaupun kelihatannya agak ringan dengan mengangkat tema cinta sesama manusia sebagai paksi kepuisiannya, namun jika dibaca dengan hati yang dalam, akan terhidulah harum dan kohongnya cinta, akan terasalah manis dan pahitnya cinta. Mendalami puisi-puisi yang terkandung dalam naskhah ini, terserlah kematangan Lara MN dalam menaakul setiap bait puisinya agar seiring dengan peradaban cinta kerana cinta itu ibarat laut, ada pasang surutnya. "Jangan mencintai seseorang seperti bunga, kerana bunga mati kala musim berganti. Cintailah mereka seperti sungai, kerana sungai mengalir selamanya." – Hamka

<http://www.marymartin.com/web?pid=370591>

Kumpulan Puisi : Khauf Seorang Hamba / Serunai Faqir (Ed) Rozlan Mohamed Noor

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
x, 112p.

9789674607661

1. Malay poetry

\$ 10.00 / PB

136gm.

Khauf Seorang Hamba "seratus rindu mengapung diri, sejuta lorong ke angkasa, rasa dan rahsia saling memaut, maka perkenalan yang didamba oleh sang pencari."

<http://www.marymartin.com/web?pid=370592>

Antologi Prosa dan Puisi : Hujan Bakawali Di Rumah Tuhan, Jilid I / Mohammad Syukri (et al.)

Kuala Lumpur: RIPTA Enterprise, 2018
xi, 126p.

9789671500613

1. Malay Poetry
2. Malay prose literature

\$ 12.50 / PB

80gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370593>

Antologi Prosa dan Puisi : Hujan Bakawali Di Rumah Tuhan, Jilid 2 / Umila Rahman (et al.)

Kuala Lumpur: RIPTA Enterprise, 2018

ix, 144p.

9789671500620

1. Malay Poetry
2. Malay prose literature

\$ 12.50 / PB

90gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370594>

Kumpulan Puisi : Irama Yuda / Azree Ariffin

Bangi, Selangor: Legasi Oakheart, 2018

92p.

9789671583326

1. Malay poetry

\$ 10.00 / PB

68gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370595>

Novel Kanak-Kanak : Desa dan Budak Bandar / Saridah Hamid (Ed) Enche Abdullah Abdul Kadir

Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018

132p.

9789674607432

1. Malay poetry
2. Sajak

\$ 10.00 / PB

Desa dan Budak Bandar mengisahkan tentang keluarga Ammar yang baru berpindah ke Desa Rambutan Gading kerana mengikut ayahnya yang dipindahkan ke sana. Pada mulanya Ammar dan adik-adiknya, Fakhri dan Safiyyah begitu ragu-ragu dengan penerimaan warga kampung dan keupayaan mereka untuk menghadapi kehidupan di kampung. Selama ini mereka membesar di bandar yang mempunyai keperluan yang lengkap. Namun, ada sesuatu yang membuatkan pandangan mereka mulai berubah apabila bertemu dengan kawan-kawan baharu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370596>

Lanun Melayu : Sebuah Kembara Berbahaya / G.A. Henty (Translated) Ali Qowais
Second Edition
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2017
244p.
9789671377772
\$ 15.00 / PB
248gm.

Buku ini merupakan sebuah fiksyen klasik yang mengisahkan tentang lanun Melayu yang muncul di Selat Melaka pada satu masa dahulu.

Untuk mengembara dan melihat dunia merupakan keinginan yang terpasteri dalam diri setiap manusia, dengan mengembara pelbagai keajaiban dapat disaksikan dan dirasai serta memberikan kesegaran pada diri.

Buku ini akan membawa pembacanya mengembara ke seluruh pelusuk dunia dari timur ke barat, selatan ke utara, melalui cerita-cerita di dalamnya, sama ada menjelajah ke Kepulauan Melayu bersama Parkhursi yang memperlihatkan keberaniannya apabila berhadapan dengan lanun-lanun Melayu yang ganas, ke lembah negara atas angin untuk menghayati kisah Dick, seorang sahabat sejati, kemudian pergi ke India untuk berhadapan dengan pelbagai kejadian aneh dan mistik di sana, serta pelbagai lagi koleksi cerita di dalamnya yang pasti tidak menghampakan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370597>

Misteri Kem Motivasi / Hasrul Rizwan
Koleksi @ Roman Buku
Petaling Jaya, Selangor: Roman Buku Sdn Bhd., 2018
382p.
9789671557211
1. Malay fiction
\$ 11.00 / PB
374gm.

Sebuah novel komedi penulis bestseller.

Kedatangan Cikgu Suraya ke Sekolah Menengah Agama Haji Barokbah telah membuatkan sekolah bertukar cerita. Guru muda itu sungguh mempersonakan dan membuatkan mata-mata tidak berhenti memandangnya. Mat Piah menjadi angau dan mula mencari jalan untuk dekat dengan Cikgu Suraya, walaupun mendapat saingan yang hebat dari Cikgu Marzuki.

Setiap hari Mat Piah mencari jalan dan perkhemahan Kem Motivasi di Sungai Chilling menjadi titik untuk menyemai cintanya. Pelajar-pelajar tingkatan lima bergembira tanpa menyedari sesuatu yang menakutkan telah menunggu kedatangan mereka ke situ. Lembaga dongeng yang bertubuh besar dan hamis, makhluk tidak berwajah yang dagunya terbelah hingga ke rengkung bahkan zombi yang tergantung.

Akhilil, Widad, Cupin, Mat Piah dan Ahmad Maslang tersepit di antara nyawa dan keberanian. Sekali lagi mereka menempuh malam yang panjang. Cuba menyelamatkan rakan-rakan mereka yang hilang satu persatu di kem motivasi. Meredah kegelapan demi menentang kejahatan dalam keadaan yang sungguh bangan dan menjengkelkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370598>

Mata Ketiga / Zulkifli Ahmad Idrus (Ed) Hatta Midy
Ampang, Selangor: Pukat Pikit Press
32p.
9789671575802
\$ 12.50 / PB
206gm

Mata ketiga merupakan sambungan empat siri "Mata" yang sebelum ini. Pengalaman dan penampakan yang dikongsikan dalam buku ini merupakan kembara penulis yang terkini bermula dari tahun 2010.

Kali ini penulis akan berkongsi tentang pengalamannya dalam pendakian Gunung Semeru yang didaki pada tahun 2010. Yang menjadi inspirasi novel e-book Semeru 31.8, serta beberapa penampakan dibangunan dan kawasan perumahan yang terpencil. Hutan serta taman negara dan sempadan-sempadan negeri di Malaysia.

Mereka di sekeliling kita!

<http://www.marymartin.com/web?pid=370599>

3 Belas / Puaka Bersekutu (Ed) Sazali Samsudin
Projek GeroBook
Johor Bahru, Johor: Gerobook Event, 2018
vi, 214p.
9789671593202
\$ 15.00 / PB
170gm.

Apa ada dengan 13?

Sebahagian penduduk dunia mengimani bahawa 13 dikatakan membawa sial, nasib malang, malah sering juga dikaitkan dengan kisah-kisah hantu jembalang. Jika anda gementar dengan angka 13, itu tandanya anda di dalam triskaidekaphobia, sejenis ketakutan kepada apa sahaja yang berangka 13. Naskah 13 yang sedang kau pegang ini pula merupakan variasi kisah berpuaka, misteri, kejam, tragis, dan absurd yang pastinya membuat jiwa kau perlahan-lahan dimamah ketakutan. Bukan fiksyen semata, cerita benar pun ada. Semoga kau Berjaya menyingkap hijab dan meneroka ketakutan 13!

<http://www.marymartin.com/web?pid=370600>

3 Malam : Dari Pengalaman Sebenar Penulis / Cempaka Aludra, S Faizal & Tasnim Halil
Ampang, Selangor: Pukat Pikat Press, 2017
252p.
9789671575819
\$ 12.50 / PB
226gm.

3 Malam merupakan sebuah naskah gabungan dari 3 orang penulis. Setiap penulis berkongsi 2 cerita berdasarkan pengalaman mistik masing-masing.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370601>

Donat / Erby S
Ampang, Selangor: Pukat Pikit Press, 2017
192p.
9789671575826
\$ 12.50 / PB

Bertemakan thriller dan seram.

Donat mengisahkan tentang bagaimana seorang suami (Jansen) yang mempunyai sepasang anak kecil (Bertha & Oliver) yang sedang dalam proses membiasakan diri dengan keadaan tanpa seorang isteri dan ibu. Sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab memikul amanah untuk membesarkan anaknya, dia berusaha semampu mungkin untuk memastikan kehidupan mereka menjadi lebih baik.

Kehidupan mereka mula berubah apabila rancangan untuk bercuti di suatu tempat menjadi sebuah tragedi kepada keluarga ini. Mereka terperangkap dalam cuaca bersalji yang begitu kuat dan tebal.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370602>

Tari Pasar Perempuan / Fazleena Hashimuddin
Koleksi @ Roman Buku
Petaling Jaya, Selangor: Roman Buku Sdn Bhd., 2018
308p.
9789671557228
1. Malay fiction
\$ 11.00 / PB
302gm.

Di pasar kita mencari sesuatu- ada kalanya bertemu, ada saatnya pulang dengan hampa. Ruang ini mengibarkan bendera permintaan dan penawaran. Di sela-sela rayuan dan lelangan, ada yang berteriak sebagai harapan. Yang bijak akan menang dan yang segan akan menyerah kepada takdir.

Di sini kita sering merindukan bau segar dan hanyir. Meneka-neka nasib dari hitungan dacing penimbang. Menanti dalam debar hayunan parang dan darah yang bercucuran- melengkapkan sebuah tragedi pentas kehidupan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=362924>

Topeng / Bali Baim
Pemenang Sayembara Buku Fixi 2017/8
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
348p.
9789672128441
\$ 10.00 / PB
306gm.

Apa rasanya memakai topeng di hadapan manusia? Tersenyum masa marah, ketawa masa hati kelam. Aku dibuang sejak bayi dan hidup meringkuk dalam memori demi memori yang memberi kesan mendalam pada jiawaku, wajahku, kerana topengku kini berlapis-lapis.

Aku hanya mahu satu, mak aku. Dan Bomoh Kisman perkenankannya dengan satu syarat: untuk aku tinggal di sebuah rumah yang mengandungi bilik-bilik rahsia, yang melambangkan topeng-topeng paling berat aku pakai. Mampukah aku hadapi memori paling hodoh dalam lipatan sejarah hidupku? Berhadapan topeng-topeng muka yang memberi derita?

Aku akan hadapi semua memori jijikku. Dan selamat datang dunia kegelapan topeng.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370603>

Hero / Zakri Rahman
Pemenang Sayembara Buku Fixi 2017/8
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
288p.
9789672128397
\$ 10.00 / PB
258gm.

Hanya tiga perkara yang berlegar dalam hidup Hadi: Kebencian pada bapanya iaitu seorang bekas superhero; persahabatan dengan kawannya Ray; dan cintanya yang tak berbalas pada Aisyah, rakan sekuliahnya.

Hadi ingin menjadi superhero setelah mengetahui yang Aisyah meminati superhero. Setelah insiden di tempat kerja part-timennya dan insiden menyelamatkan Aisyah dari diragut, cita-cita Hadi untuk menjadi superhero semakin menebal, tetapi bukan seperti bapanya.

Pencarian superhero baru negara pun bermula dan Hadi mendaftar sebagai peserta di Akademi Satu Superhero. Pemilihan superhero adalah berdasarkan program realiti TV. Di situ, Ray berkenalan dengan rakan dan lawan seperti Gel, Stone, Chick dan Aziz Hamidun. Siapa yang akan muncul juara?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370604>

Raka / Mahizan Husain
Pemengang Sayembara Buku Fixi 2017/8
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
268p.
9789672128465
\$ 10.00 / PB
242gm.

Untuk memulakan halaman pertama, cukup sukar sekali. Nat hilir-mudik berlenggeng di ruang tamu. Sekejap duduk, sekejap berdiri, sekejap berbaring. Akhirnya siap satu halaman setelah berpuluhan kali proses taip-padam-taip-padam.

Nat tarik nafas lega. Halaman pertama adalah perkara paling susah dalam memulakan sebuah novel. Halaman pertamalah yang akan membuatkan pembaca mahu membaca terus atau berhenti membaca.

Nat guna sudut pandang orang pertama. Itu akses terbaik untuk dia masuk ke dalam permikiran pembunuh.

Halaman pertama menceritakan kejadian malam gelap di mana si pembunuh mengundurkan kereta ketika melepas seorang perempuan di tepi jalan. Semuanya bermula dari detik kereta itu diundurkan. Dari situ lah konflik dan cerita bermula.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=370605**](http://www.marymartin.com/web?pid=370605)

Manusia Sepi Tempatnya di Bulan / Anas Mohd.
Petaling Jaya, Selangor: Roman Buku Sdn Bhd., 2018
204p.
9789671557259
1. Malay Stories
\$ 11.00 / PB
210gm.

Yang sedang melambai-lambai dari seberang jalan adalah kakak sulungku, dia tidak madi sejak semalam dan mungkin juga hari-hari sebelumnya, bau tubuhnya amatlah hamis, semakin menghampiri kambing. Adik bongsuku, Kuki, yang sedang memegang erat tanganku, khuatir teramat jika kakaknya, bila-bila masa sahaja boleh berubah menjadi seekor kambing. (Kakak Kami Kambing)
Saya rasa kelakar bila Amin kata dia sakit kepala namun turut bersimpati kerana bila kita dilanda sakit yang sebegini pada semuda ini, kita selalunya tak hidup lama. (Sakit Kepala)

"Keturunan aku tiada pentidur, tak ada satu pun dari keluarga kita yang mengatur hidupnya macam resmi penguin; jantan menjaga telur, betina mencari makan!" (1997: Bau Tangan Ibu)

Di dalam koleksi cerita ini, Anas Mohd ialah pemandu bas yang tersesat jalan dan dia tak peduli. Dia hanya peduli tentang penumpang-penumpangnya yang terbentuk daripada pelbagai karakter. Sepi, tersisih, oportunistis, repulsif, canggung dan naif. Anas memberikan kita cerita-cerita mereka dengan bahasanya yang mudah, lucu dan tak terduga.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370606>

Nursirnafitrahtul'ain / Sutung Umas RS (Ed) Ahmad Zamani Ishak
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
376p.
9789674605483
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction
\$ 17.50 / PB
386gm.

Sesungguhnya, jika musibah atau cubaan pada tubuh menimpa dirimu, keluarga atau hartamu, maka ingatlah Zat yang menurunkan cubaan itu, pemilik sifat kasih sayang, kebaikan yang diberikan kepadamu dan cinta serta kelembutan yang dicurahkan kepadamu. Mudah-mudahan kau memahami nikmat yang terdapat dalam lipatan bencana itu dan limpahan kurnia serta kemurahan setelahnya. Jika tidak, cukuplah kau melakukan penyucian daripada dosa, pembersihan daripada aib dan pendekatan ke hadirat Yang Maha Mengetahui hal-hal ghaib.

Novel ini diterbitkan selepas kembalinya Sutung Umar RS ke rahmatullah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370607>

Narsis / Mahizan Husain (Ed) Khadijah Amina Md. Yusoff
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
256p.

9789674606671

1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction

\$ 15.00 / PB

260gm.

Perjalanan watak tanpa nama, "aku" memasuki sebuah dunia absurd. "Aku" gagal memahami banyak perkara dalam hidupnya termasuklah mengapa dia mengahwini isterinya, Ariska, seorang perempuan yang tidak suka dikongkong dan antipatriarki. Mereka sama-sama tidak mengerti mengapa mereka harus hidup bersama sedangkan mereka saling tidak memerlukan antara satu sama lain. Walaupun penulisan "aku" sering ditolak, itu tidak pernah sesekali melunturkan semangat "aku" untuk terus mencapai cita-citanya menjadi seorang penulis. "Aku" berpendapat, kebanyakannya penerbit yang menolak karyanya sebenarnya tidak memahami apa yang ingin disampaikannya termasuklah orang-orang di sekelilingnya. Sikap narsisnya itu adakala memakan diri. Kehidupan "aku" mula berubah sejak dia bertemu dengan Abraham dan Kasman. Kejadian pembunuhan di rumah pelacuran oleh Abraham lebih memberikan tanda tanya kepada "aku" mengapa Abraham sanggup melakukan perkara terkutuk itu. Apakah yang bakal terjadi kepada masa depan "aku" selepas menyaksikan kejadian pembunuhan itu? Siapakah Abraham dan Kasman sebenarnya? Bagaimanakah pengakhiran hubungan "aku" dan Ariska?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370608>

Gantung / Nadia Khan

Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2013 (18th Reprint 2018)

296p.

9789670374505

\$ 10.00 / Pb

Novel kedua oleh penulis novel bestseller KELABU.

"Musketeer Code - no all for one, just one for all."

Gibbs, Ray, KJ dan Troll – sekumpulan pelajar lelaki paling popular dan paling akrab di sebuah sekolah asrama elit. Mereka berempat mencipta Musketeer Code - peraturan yang tidak membenarkan sesiapa antara mereka mempunyai steady girlfriend, tetapi sebarang skandal amat dialu-alukan untuk dikongsi oleh semua.

Sehingga peraturan itu dilanggar... dan seorang awek psiko mencetuskan tragedi yang bakal menghantui hidup mereka semua. Kemudian —

<http://www.marymartin.com/web?pid=161907>

Penumpang / Fee Anyau
Pemengang Sayembara Buku Fixi 2017/8
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
304p.
9789672128410
\$ 10.00 / PB
268gm.

Jai dihantar helaian jurnal sahabatnya Eddi yang mati membunuh diri. Dalam jurnalnya, Eddi telah menceritakan pengalamannya sebagai penumpang bas. Bagi Eddi, menumpang bas merupakan rutin yang membebaskan jiwanya. Dalam usaha untuk menerima kenyataan tentang pemergian Eddi, dan memahami masalah yang telah membelenggu sahabatnya itu, Jai bertekad untuk mencuba menyelusuri jalan yang dipilih Eddi.

Pada masa yang sama, Jai dibebani masalah keluarga. Pemergian Eddi telah membuatkannya lebih mempersonalkan erti hidup. Di kolej, setelah kematian Eddi hampir sebulan, Nina pula memberitahu Jai bahawa dia teman wanita Eddi. Jai keliru dengan perasaannya sendiri: Adakah dia cemburu atau sangsi?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370609>

Kelabu / Nadia Khan
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2013 (19th Reprint 2018)
460p.
9789670374048
1. Malay fiction
\$ 12.50 / PB
382gm.

Senang kalau hidup dalam dunia hitam putih. Baik-buruk, betul-salah, cinta-benci...lelaki-perempuan.

Apa jadi pada yang di tengah-tengah? Apa jadi pada orang-orang macam aku? Bila Jun datang pada aku, menawarkan posisi sebagai 'boyfriend kontrak', aku tak tolak. Salah aku ke kalau aku kata "ya" pada awek cun? Salah aku ke kalau aku lagi pandai layan dia daripada boyfriend dia sendiri?

Salah aku ke kalau aku jatuh cinta pada dia?

Aku Amir. Jemputlah masuk ke dunia aku, di mana hitam dan putihnya tak berapa jelas. Mungkin hanya lepas tu, korang akan faham macamana rasanya berada di dunia aku. Dunia KELABU.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370610>

Velvet / Ikmal Ahmad
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2015 (4th Reprint 2017)
304p.
9789670954226
\$ 10.00 / PB
270gm.

Untuk meraikan harijadi Mira ke-20, tujuh tahun dahulu, Akim melamar dirinya untuk menjadi kekasih hatinya— sambil disaksikan sebiji kek Red Velvet di hadapan mereka.

Seminggu lagi, Akim dan Mira akan diraikan di sebuah majlis perkahwinan yang diidamkan – yang akan diakhiri dengan pemotongan kek Red Velvet setinggi lima tingkat. Jalan hidup mereka indah seolah-olah karya dongeng.

Tetapi Akim menerima sepucuk kad RSVP dan sebuah kotak hadiah setinggi 6 kaki yang bakal mencemar majlis perkahwinannya. Adakah Mira berkesempatan untuk memotong kek Red Velvet pada hari persandingan mereka?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370611>

Dihantu / Mikael Sahaja
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
288p.
9789672128328
\$ 10.00 / PB
242gm.

Pontianak dilahirkan sebagai hantu tapi sering gagal menakutkan manusia. Dia dipaksa berpindah oleh Ayah Ponti yang tidak tahan lagi diketawakan hantu lain di warung kopi Hantu Air di kampung mereka. Maka Pontianak pun berhijrah ke Kampung Mudah.

Di sana, Pontianak dengan tidak sengaja telah menakutkan Lebai Leman. Berita itu segera disebarluaskan Usin Radio. Akibat itu, tanpa sengaja Pontianak disanjung hebat dalam kalangan hantu. Dia melayan kemasyhuran ini dengan dorongan pengurus liciknya Encik Toyol.

Statusnya sebagai Duta Hantu tergugat bila Drakula datang dari luar negara ke Kampung Mudah. Hajatnya: mahu mencabar satu lawan satu dengan Pontianak dalam pertandingan menakutkan manusia. Komplikasi seterusnya datang dalam bentuk seorang jejaka manusia bernama Helmi. Hajatnya: mahu memenangi hati Pontianak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370612>

Padam / Ibrahim Jama Huri
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
248p.
9789672128502
\$ 10.00 / PB
228gm.

Malik seorang dropout askar dan beberapa rakannya masuk ke hutan untuk melakukan aktiviti lasak. Namun, mereka ditimpa musibah apabila bertembung dengan penjahat yang membunuh sesuka hati. Terlepas daripada tragedi itu, Malik cuba menjalani hidup normal.

Tanpa disedarinya, dia diburu penjahat yang ditemuinya di hutan. Malik yang terambil pendrive tanpa sengaja daripada penjahat itu masih tidak menyedari hal itu hinggalah beberapa musibah melanda rakannya dan ibunya. Pendrive itu mempunyai maklumat rahsia organisasi pembunuh upahan negara atau BILL. Dia kemudian bertemu seorang lelaki misteri yang menawarkan pertolongan. Tanpa mengetahui tentang identiti sebenar lelaki itu, Malik turut serta dengan rancangannya bersama beberapa orang lain dalam menumpaskan organisasi rahsia itu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370613>

Salafi / Shaz Johar
Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn Bhd., 2018
320p.
9789672128342
\$ 11.00 / PB
286gm.

Sewaktu aku memulas tombol pintu untuk keluar, suara Abang terdengar lagi.
"Abang sanggup bunuh kau kalau kau conteng arang dalam keluarga kita. Simpan kata-kata aku ni dalam otak tu elok-elok."

Jantung berdegup kencang. Separuh otakku berkata yang aku tak perlu khuatir kerana Abang takkan sanggup membunuh adiknya sendiri. Dia tidaklah sebodoh atau sekejam itu. Tapi separuh lagi meminta aku terus berfikir dan berwaspada. Melihat karekter Abang, tak mustahil dia mampu lakukan semua itu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370614>

A Atau Mati / Aman Wan

Siri Akademik Thriller
Batu Caves, Selangor: Blank Book (Blink Book Sdn Bhd), 2018
128p.
9789672040392
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Young adult fiction, Malay
3. Malay fiction
\$ 5.00 / PB
124gm.

Remaja perlu mati! Ketakutan yang melampau, memaksa masyarakat untuk mengambil keputusan yang drastik. Pembunuhan, rompakan, rogol serta pengedaran dadah kini menjadi jenayah yang dilakukan oleh para pelajar di bawah umur. Kehancuran dan gejala liar terus berleluasa. Remaja semakin rosak, masyarakat semakin terdesak.

Sebuah akta baru akhirnya ditubuhkan. Undang-undang yang mencatat sejarah dan perubahan pada negara. Akta Peperiksaan Merah diberi nama. Sebuah peperiksaan yang menjadi gelanggang neraka untuk remaja-remaja berdosa. Soalan-soalan yang mengundang azab serta derita, hanya dua sahaja jawapan yang diberi.

Sama ada A atau mati!

<http://www.marymartin.com/web?pid=370615>

B Untuk Bunuh / Hazira Hanapi & Aman Wan
Siri Akademik Thriller
Batu Caves, Selangor: Blank Book (Blink Book Sdn Bhd), 2018
140p.
9789672040408
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Young adult fiction, Malay
3. Malay fiction
\$ 5.00 / PB
134gm.

Kesempitan wang, kedaifan hidup serta keuzuran ibu bapa menjadi pendorong Husna untuk kekal berjaya dalam akademik. Sepenuh hidup dihambakan demi mendapat keputusan cemerlang.

Sebuah tawaran biasiswa akhirnya menjadi penentu masa depan dan kesenangan keluarga. Namun, dirinya terpaksa berhadapan dengan beberapa calon pelajar terbaik yang kini menghalang bahagia. Husna terdesak. Sebuah kesilapan akhirnya bertukar menjadi dosa.

Langkah yang berdarah tidak mampu disucikan kembali. Tiada saksi, tiada bukti. Kini, hasutan syaitan mula menguasai diri. Sekiranya A terlalu menjauh, mungkinkah B untuk bunuh?

<http://www.marymartin.com/web?pid=370616>

C Kena Culik / Fazla Idha & Azanil Fitri
Siri Akademik Thriller
Batu Caves, Selangor: Blank Book (Blink Book Sdn Bhd), 2018
140p.
9789672040415
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Young adult fiction, Malay
3. Malay fiction
\$ 5.00 / PB
136gm.

Kau pernah dibenci oleh cikgu? Ataupun kau pernah tidak puas hati dengan cikgu? Sengketa pelajar dan guru memang lumrah alam persekolahan. Namun, sengketa kalau dibiarkan terlalu lama akan berubah menjadi dendam. Bila dendam sudah menguasai diri, tunggulah padah buruk yang bakal berlaku. Ini kisah dendam yang tidak dapat dipadam dengan getah pemadam sekolah ataupun abang bomba. Gurauan dendam tiga pelajar memakan diri, cuba meraih simpati pada guru yang tiada empati. Lalu api kemarahan mencuit hidup insan lain, membongkar peti sejarah yang sepatutnya sudah lama terpadam. Pilihan yang mereka ada? Jika A adalah mati, itu menyeksa diri. Memilih B untuk membunuh, lalu dijatuhkan hukuman mati. Barangkali C untuk culik mampu menyelesaikan segala simpulan masalah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370617>

D Macam Dajal / Haryani Kamilan & Azanil Fitri
Siri Akademik Thriller
Batu Caves, Selangor: Blank Book (Blink Book Sdn Bhd), 2018
128p.
9789672040385
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Young adult fiction, Malay
3. Malay fiction
\$ 5.00 / PB
124gm.

Dajal, makhluk perosak akhir zaman yang tugasnya menghasut manusia melakukan kejahanatan. Maka manusia yang terdorong melakukan kejahanatan juga tidak ada bezanya dengan Dajal.

Ini adalah kisah lima sahabat yang punya perangai kejam yang amat. Mereka digelar Senior Dajal yang membuli tanpa belas, semata-mata untuk menunjukkan kuasa. Mereka senior jadi semua orang dipaksa tunduk hormat. Siapa melawan, akibat yang menanti teramat berat.

Langsung menikus para junior, takut menjadi mangsa. Semuanya wajib dituruti, jangan sesekali dikhianati. Bilik Zaaba menjadi saksi, setiap perbuatan keji yang keterlaluan. Si junior mula menyimpan dendam.

Kezaliman Senior Dajal mesti ditentang. Lalu kini,buku bertemu ruas. Senior Dajal menerima hukuman tidak terjangka dek akal. Hukuman yang membawa pengajaran besar buat mereka tetapi sudah terlambat untuk disesalkan.

Selamat datang ke Bilik Zaaba, Bilik Neraka!

<http://www.marymartin.com/web?pid=370618>
